Tuan Speaker, pekebun Kecil Kelapa Sawit di seluruh Sarawak menyumbang sekurang-kurangnya 15% daripada jumlah pengeluaran hasil *"crude palm oil and palm kernel oil*" di Sarawak. Berdasarkan perolehan pendapatan Sarawak pada tahun 2023 melalui cukai jualan (SST) daripada Industri kelapa Sawit adalah sebanyak RM630 juta. Maka dengan itu, saya mencadangkan agar Kerajaan melalui Jabatan Pertanian atau Kementerian, M-FiCORD menyalurkan peruntukan khas bagi menaik taraf jalan ladang bagi pekebun kecil kelapa sawit seluruh Sarawak agar pengeluaran hasil kelapa sawit dapat dipertingkatkan dan sekali gus akan menambah pendapatan Sarawak melalui kutipan cukai jualan (SST) terhadap hasil *"crude palm oil and palm kernel oil"* yang tinggi.

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Tuan Speaker, Saya juga menyambut baik inisiatif mulia Kerajaan melalui bajet ini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui Skim Pembesaran Kampung dan Skim Penempatan Semula untuk menyelesai masalah kepadatan di penempatan yang sedia ada atau kampung tradisional dengan menyediakan lot perumahan dengan infrastruktur yang baik dan terancang. Justeru itu, saya mohon agar Kerajaan meluluskan permohonan 3,000 keluarga baharu di 15 buah kampung di BRS Sg. Asap melalui Skim Pembesaran Kampung (SPK) atau Skim Penempatan Semula (SPS) bagi menyelesaikan penambahan penduduk yang kian merunsing. Selain itu, saya memohon supaya Kerajaan menyediakan peruntukan khas atau Skim Pinjaman Rumah Panjang bagi 15 buah kampung dengan sejumlah 2,765 pintu di Skim Penempatan Semula Bakun (BRS) Sg. Asap yang kian uzur dan perlu dibaik pulih dengan segera.

Tuan Speaker, sekali lagi saya merayu di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan kita yang prihatin ini mendengar permintaan rakyat yang telah mengorbankan tanah pusaka bagi memberi laluan kepada projek mega hidro Bakun dan hidro Murum demi kemajuan Sarawak yang tercinta ini.

Merancak Sektor Pelancong

Tuan Speaker, sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Sarawak, maka Kerajaan melalui bajet ini akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mentransformasikan Sarawak sebagai destinasi utama untuk eko-pelancongan dan acara perniagaan yang dipacu oleh komuniti bagi memulihara warisan, budaya dan biodiversiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kawasan kita di Murum dan Belaga sangat berpotensi untuk dijadikan destinasi eko-pelancongan berasaskan Kebudayaan, Pengembaraan, Explorasi Alam Semulajadi *(Culture, Adventure & Nature)* kerana kawasan kita amat unik dengan kepelbagaian suku bangsa dan etnik yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang bernilai tinggi selain mempunyai khazanah alam semula jadi, hutan rimba, flora dan fauna, sungai, tasik, gunung-ganang dan air terjun, yang indah dan cantik yang pasti menarik untuk diterokai oleh pelancong-pelancong dalam dan luar negeri.

Maka dengan itu, saya mencadangkan agar Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC), Kementerian Pelancongan Sarawak, Sarawak Tourism Board (STB) dan agensi-agensi yang berkaitan terus mempergiatkan promosi dan pemasaran produk-produk pelancongan ini.

Menubuhkan Pusat Hemodialisis di Klinik Sungai Asap, Belaga

Tuan Speaker, kesihatan adalah sangat penting dalam kehidupan kita saban hari. Saya amat bersimpati dengan 32 pesakit buah pinggang di Kawasan saya yang terpaksa menjalankan rawatan dialisis di Hospital Bintulu, Hospital Miri dan Hospital Kapit sebanyak tiga kali seminggu yang terpaksa berulang alik dari kampung Sg. Asap ke hospital di Bintulu dengan kos pengangkutan dan belanja makan, minum dan lain-lain sebanyak RM200 sehala turun kerana tidak ada tempat untuk mereka tinggal di Bintulu.

Bayangkan tiga kali seminggu, dalam sebulan perbelanjaan untuk mendapat perkhidmatan rawatan dialisis adalah RM2,400. Keadaan ini amat membebankan pesakit dan ahli keluarga dari segi kos dan juga masa. Maka dengan itu, saya mencadangkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab agar menempatkan satu Pusat Hemodialisis di Klinik Kesihatan Sungai Asap bagi menampung keperluan perkhidmatan rawatan dialisis bagi komuniti Sungai Asap, Belaga dan Tubau dengan kadar yang segera demi kesejahteraan rakyat kita.

Tuan Speaker, sebagai mengakhiri ucapan perbahasan ini, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Tan Sri Datuk Amar Speaker dan YB Dato Timbalan Speaker kerana telah berjaya mengendalikan persidangan kali ini dengan begitu bijak, professional dan cemerlang sekali. Tidak lupa juga kepada Tuan Setiausaha, pegawai-pegawai, petugas-petugas Dewan yang mulia ini dan ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas masing-masing. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal *(Merry Christmas)* kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru, *Happy New Year 2025* kepada seluruh rakyat Sarawak.

Dengan ini, Murum mohon menyokong penuh Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 dan usul untuk merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan bagi Perbelanjaan 2024. *"United We Bargain, Divided We Beg"*. *"Utamakan Sarawak"*. Sekian. Terima kasih. Tuhan Memberkati.

Timbalan Speaker: Thank you. Terima kasih, Yang Berhormat Murum. *Next*, Yang Berhormat daripada, Yang Berhormat Krian.

YB Encik Friday anak Belik: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada Krian untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 yang telah dibentangkan oleh YAB Premier pada 20 November 2023. Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, *Salam Segulai Sejalai.*

Pada kesempatan ini, saya menyampaikan ucapan tahniah kepada YAB Premier Sarawak, Merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baharu, atas kejayaan untuk membentangkan Bajet Negeri Sarawak bagi tahun 2024 dalam Dewan yang mulia ini pada 20 November yang lepas. Bajet yang dibentangkan merupakan, bertemakan: *Development for All: Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak*, adalah merupakan bajet yang prihatin dan mengutamakan rakyat ataupun dalam erti kata saya sendiri *"Giving Back To The Rakyat".*

Ianya dilihat sebagai satu tekad dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada Kerajaan untuk membina satu landasan yang kukuh ke arah Sarawak negeri maju berpendapatan tinggi menjelang 2030 seperti yang terkandung dalam PCDS 2030. Ianya mempunyai lima objektif utama dan berteraskan 12 di samping mempunyai beberapa inisiatif untuk memastikan perbelanjaan bagi bajet ini menghasilkan keuntungan kepada rakyat kita di Sarawak. Ini menjadikan penyediaan bajet kali ini amatlah teliti, komprehensif, terangkum dan menyeluruh.

Seperti yang kita sedia maklum Tuan Speaker, dunia sedang berhadapan dengan masalah kelembapan ekonomi yang amat membimbangkan kesan daripada beberapa kejadian seperti pandemik COVID-19, peperangan di antara Rusia-Ukraine, dan yang terbaru konflik di Asia Barat. Di peringkat global, pertumbuhan ekonomi merosot dari 3.5% pada tahun 2022 kepada 3.0% pada tahun 2023 dan di Malaysia, pertumbuhan sehingga pertengahan tahun 2023 dianggarkan pada 4.2%. Manakala di Sarawak pertumbuhan ekonomi dianggarkan berkembang antara 4% ke 5% pada tahun 2023 yang merangkumi hampir kesemua sektor menampakkan pertumbuhan.

Perkara yang menggembirakan kita sebagai Anak Sarawak adalah walaupun dunia mengalami kelembapan ekonomi, tetapi Sarawak masih mampu memperolehi hasil yang membanggakan. Bagi tahun 2023, Sarawak memperolehi hasil sebanyak RM12,718 juta, ataupun RM12.78 billion berbanding RM11,910 juta pada tahun 2022, dengan peningkatan sebanyak RM808 juta atau 7%. Manakala bagi tahun 2024, hasil Negeri Sarawak dijangka meningkat kepada RM12,748 juta. Peningkatan ini adalah hasil daripada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Premier yang sentiasa berusaha untuk mencari sumber pendapatan baharu bagi Sarawak.

Sejak beliau mengambil alih pentadbiran Negeri Sarawak, berbagai usaha telah dibuat terutama sekali dengan mengadakan rundingan dengan Kerajaan Pusat di bawah MA63 untuk mendapatkan kembali hak-hak Sarawak dan rundingan tersebut sudah pun membuahkan hasil seperti mengenakan SST sebanyak 5% ke atas hasil produk petroleum daripada PETRONAS dan kita juga dapat mengambil alih *Bakun Dam* dan juga sumber-sumber baru seperti *hydrogen* hasil daripada *green economy* seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier.

Dengan adanya pertambahan dalam hasil negeri, maka Yang Amat Berhormat telah membentangkan satu bajet yang terbesar dalam sejarah Negeri Sarawak iaitu RM12,363 juta ataupun RM12.363 billion ringgit iaitu dengan lebihan ataupun *surplus* sebanyak RM383 juta ringgit. Daripada jumlah bajet tersebut, sebanyak RM9,038 juta adalah untuk tujuan pembangunan manakala RM4,563 juta tujuan operasi. Dengan kata lain, ia boleh dikatakan *development biased budget.*

Isu-Isu Pembangunan

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai isu-isu pembangunan di Kawasan DUN N.39 Krian. Tahun 2024 merupakan tahun ketiga N.39 Krian diwakili oleh wakil daripada parti yang memerintah iaitu GPS. Dalam tempoh dua tahun pertama, Krian telah dengan sedaya upaya untuk membawa perubahan ke Kawasan Krian dengan memberi fokus kepada projek-projek

infrastruktur samada projek-projek baru ataupun menambah baik seperti jalan, jambatan, prasarana dan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik dan menara telekomunikasi.

Kita amat berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memberikan peruntukan melalui RTP sejak dua tahun yang lalu untuk melaksanakan projek-projek seperti di atas. Namun Tuan Speaker, masih banyak yang perlu dibuat untuk memastikan kesejahteraan dan taraf hidup rakyat terus meningkat seperti yang diharapkan.

Kita juga berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memberikan peruntukan RM1.5 billion kepada Bahagian Betong di bawah Betong Division Development Agency yang banyak membantu kita untuk membawa lebih banyak projek-projek infrastruktur ke Kawasan Betong terutama sekali di Krian.

Oleh itu, Tuan Speaker, saya memohon lebih banyak peruntukan kewangan disalurkan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas seperti berikut di bawah infrastruktur yang pertama Jalan-jalan kampung iaitu untuk naik taraf jalan sedia ada.

(a) Jalan Kawang/ Nanga Drau merupakan jalan berbatu dan sempit;
(b) Jalan Rh Mawan, Kawit, keadaan yang sama juga;
(c) Jalan Tanjong, Awik;
(d) Jalan Ulu Kabo/ Sg. Jirak/ Merujie/ Ulu Awik;
(e) Jalan SK Ulu Awik;
(f) Jalan Ulu Krian/ Udu Budu;
(g) Jalan Rh Anthony, Sg Sarang, Lichok;
(h) Jalan Rh Mang, Sg Wong, Brayang;
(i) Jalan Rh Jimmy, Brayang, Roban;
(j) Jalan Ulu Sebetan, Saratok; dan
(k) Jalan Sungai Buloh, Kabo.

Kesemua 11 jalan ini adalah masih dalam keadaan yang tidak besar, sempit dan juga berbatu. Kemudian untuk jalan utama. Seperti yang kita sedia maklum Tuan Speaker, yang sering menjadi isu sekarang ini adalah ketiadaan *flyover* di Simpang Saratok dan ini banyak mendatangkan masalah dari segi keselamatan kepada pengguna-pengguna jalan raya dan ini pernah saya utarakan di persidangan Dewan Undangan Negeri yang lepas.

Kita sedar bahawa kos untuk membina satu *flyover* adalah besar dan kita pada asalnya sudah memasukkan anggaran di bawah BDDA tetapi ia *very taxing on our allocation* jadi kita keluarkan balik dan memohon supaya Kerajaan untuk memberi peruntukan kewangan untuk membina sebuah *flyover* di Simpang Saratok dan saya rasa kalau dibina *flyover,* ia akan lebih memberi kesenangan, keselesaan dan juga dari segi keselamatan boleh menghindar daripada apa-apa kecelakaan yang boleh berlaku.

Yang kedua untuk menaik taraf jalan, jalan utama dari Simpang Saratok ke Bandar Saratok. Daripada jalan sehala sekarang kepada *dual carriage way. So*, ini akan membantu untuk *regulate traffic* di kawasan Simpang Saratok dan juga di kawasan jalan masuk ke bandar Saratok dan tidak tinggal juga Tuan Speaker yang menjadi buah-mulut masyarakat Saratok juga adalah terdapatnya *P-Turn* yang terlampau jauh daripada penempatan daripada rumah panjang dan tidak mengira kesusahan masyarakat yang menggunakan *P-Turn* itu pada tiap-tiap hari.

Saya ambil contoh di Kawasan Brayang, Tuan Speaker, untuk lima buah rumah di Kawasan Brayang untuk menghantar anak ataupun cucu ke sekolah adalah jaraknya 18 kilometer, itu pergi. Balik lagi *another* 18 kilometer. *So* sudah 36 kilometer. Tengah hari ambil lagi, balik lagi another 36 kilometer, *so one day they have to spend* about 76 kilometer dari rumah ke sekolah dan balik. So that happens everyday during school hours. *So*, dari segi kos memang agak tinggi dan juga *inconvenience to the people living in that area*. *So*, kita memohon supaya dikaji semula tempat

P-turn ini dan jika boleh kita ubah mengikut apa nama *drawing* yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah ini.

Untuk bekalan air Tuan Speaker, saya bagi pihak masyarakat di beberapa kawasan di Krian berterima kasih kepada Kerajaan melalui Jabatan Bekalan Air Luar Bandar sebab difahamkan ada beberapa kawasan yang kita bangkitkan di persidangan lepas sudah diluluskan melalui *mid-term review* seperti Kawasan Ulu Sebetan, saya difahamkan sudah diluluskan bekalan air dalam *mid-term review*. Begitu juga di Kawasan Brayang dan Mudong juga sudah diluluskan di *midterm review* RMK12 dan untuk Kawasan Ulu Gerenjang difahamkan sudah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Persekutuan. *So*, kita mewakili rakyat di tiga kawasan itu tadi mengucapkan berbanyak terima kasih dan kita mengharapkan supaya projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk memberi kesenangan dan juga kesejahteraan kepada masyarakat di ketiga-tiga tempat tadi.

Sosial

Tuan Speaker, saya bagi pihak masyarakat Saratok juga ingin menyeru dan meminta supaya dibina sebuah Dewan Serbaguna yang baru di Saratok untuk menampung keperluan sama ada untuk tujuan sukan ataupun untuk program dan aktiviti sosial dan program-program rasmi Kerajaan. Dewan sedia ada sudah terlalu lama dan tidak mampu untuk menampung keperluan semasa. Kita memerlukan satu dewan yang boleh menampung sekurang-kurangnya 100 meja ataupun 1,000 orang untuk satu-satu masa.

Bina Padang Baru, Dewan, dan Kemudahan Beriadah di Daerah Kecil Nanga Budu

Tuan Speaker, Daerah Kecil Nanga Budu sudah beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2015, tetapi sehingga sekarang belum mempunyai bangunan pejabat untuk menempatkan pegawai-pegawai kita. Begitu juga dengan kemudahan lain, kita memerlukan kuarters untuk staf-staf yang bertugas di sana.

Naik Taraf Klinik Kesihatan di Nanga Budu dan Nanga Atoi

Kedua-dua buah klinik ini memainkan peranan yang amat penting bagi menjamin kesihatan penduduk di kawasan pedalaman. Keadaan bangunan dan fasiliti perlu dibaik pulih dan ditambah bagi memenuhi keperluan kakitangan dan penduduk setempat. Saya mohon supaya agensi berkenaan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Sekolah Daif

Kebanyakan sekolah rendah di Kawasan Krian berada dalam keadaan fizikal yang amat daif. Setiap tahun kita ada menyalurkan peruntukan RTP untuk menyelenggara dan menambah baik prasarana di beberapa buah sekolah, namun ia tidak mencukupi. Oleh itu, kita mohon agensi berkaitan untuk mengambil tindakan untuk menaik taraf atau baik pulih sekolah-sekolah tersebut. Ini penting untuk menentukan anak-anak di luar bandar dapat meneruskan pelajaran dengan selesa. Begitu juga dengan keadaan bangunan kuarters guru dan kakitangan yang amat menyedihkan.

Kawasan Pertumbuhan Baru Nanga Budu

Untuk merancakkan lagi pembangunan di kawasan Krian, kita bercadang untuk mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu di Daerah Kecil Nanga Budu. Kawasan ini mempunyai *hinterland* di mana penduduknya banyak terdiri daripada penanam kelapa sawit, lada, dan getah. Ianya terletak di antara Daerah Pakan, Saratok, dan juga Betong. Kawasan ini mempunyai tanah yang belum diterokai yang masih luas dan mempunyai potensi untuk dimajukan secara komersial ataupun persendirian. Ia juga berpotensi untuk dimajukan sebagai eco, sebagai pusat ekopelancongan dengan alam semula jadi yang unik dan indah. Oleh itu, kita mohon supaya perancangan terperinci

dibuat dalam masa terdekat untuk mewujudkan satu Daerah Kecil Nanga Budu yang setimpal dengan daerah-daerah lain yang berdekatan.

Perumahan

Tuan Speaker, dengan pertambahan bilangan penduduk di rumah panjang di Kawasan Krian, menyebabkan beberapa buah rumah panjang menghadapi kesesakan dan tidak mampu menampung ahli-ahli baru yang hendak mendirikan rumah. Maka dengan ini, saya memohon supaya pihak Housing Development Corporation (HDC) untuk mempertimbang dan merancang pembinaan rumah kos sederhana di Kawasan DUN Krian terutama sekali di kawasan Nanga Budu.

SEKTOR EKONOMI

Program Pertanian

Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa keadaan ekonomi di kawasan luar bandar pada masa sekarang jika dibandingkan dengan 10-20 tahun yang lepas jauh sudah berubah. Di antara faktor membawa kepada perubahan ini ialah disebabkan oleh program dan polisi pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan terutama sekali dalam bidang Pertanian. Banyak bantuan diberikan dari segi subsidi kepada penanam kelapa sawit, lada, getah, buah-buahan, dan sayur-sayuran.

Namun demikian Tuan Speaker, masih terdapat juga mereka yang masih dalam golongan miskin. Oleh itu, kita akan memberi fokus kepada program-program pertanian terutama sekali aktiviti yang mampu bertahan dalam kalangan petani. Program kesedaran akan terus dijalankan seperti Program AgriCop, latihan dan program-program lain yang mampu membawa perubahan kepada mereka. Oleh itu Tuan Speaker, kita memohon supaya diberikan peruntukan di bawah AFF untuk kita jalankan program-program dan aktiviti seperti di atas.

Projek Jalan Ladang (Kebun)

Timbalan Speaker: Minta digulungkan selepas ini.

YB Encik Friday anak Belik: Ya. Saya bersetuju cadangan rakan saya dari Murum untuk mengembalikan sebahagian daripada pendapatan ataupun hasil daripada *Crude Palm Oil* dan *Palm Kernel*, sebanyak RM630 juta untuk digunakan menyediakan ataupun membaik pulih jalan-jalan kebun ataupun jalan ladang dan ini merupakan satu projek yang amat diperlukan di kalangan pekebun-pekebun kecil kita untuk membaik pulih dan menyediakan jalan ladang. Jadi, oleh sebab kelapa sawit menyumbangkan agak besar juga kepada hasil negeri jadi eloklah sebahagian daripada hasil itu dipulangkan kepada para pekebun kecil untuk tujuan membina jalan-jalan kebun dan sebagainya.

Masalah Sosial

Akhir sekali Tuan Speaker, seperti juga di kawasan-kawasan lain, Kawasan Krian tidak lari daripada menghadapi masalah sosial. Oleh itu, kita menyeru kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan supaya lebih peka dan prihatin kepada masalah-masalah yang berlaku akibat daripada kegiatan penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kita tidak mahu masalah ini terus berlaku kerana ia boleh menyebabkan kerugian kepada modal insan kita di masa-masa akan datang.

Sebagai mengakhiri perbahasan saya Tuan Speaker, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang amat besar bagi Negeri Sarawak. Semoga bajet ini terus meletakkan Negeri Sarawak ke landasan yang betul dalam kita menuju negeri maju berpendapatan tinggi menjelang 2030. Semoga Sarawak terus maju dan makmur demi kesejahteraan dan kebahagiaan kita semua. *Salam Segulai Sejalai Nuju Pemangsang, Intu Sarawak, Sarawak First*. Kepada rakan-rakan yang akan merayakan Krismas; Selamat Hari

Krismas, dan kepada yang lain Selamat Tahun Baru 2024. Dengan ini Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Krian. Ahli Yang Berhormat Tanjong Batu, next one.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming: Tuan Speaker, thank you for giving me a chance to participate in the debate for the Budget 2024.

First and foremost, I extend my sincere commendations to YAB Premier, and the Sarawak GPS Government for setting a new record in State revenue collection, reaching an impressive RM12.718 billion in 2023, up from RM11.91 billion in 2022. This achievement, despite the post-COVID-19 challenges, is a testament to the effectiveness of the post-COVID Development Strategy (PCDS) 2030. This is also a testament as to why Sarawakian should fully support and trust in the leadership of our YAB Premier as he guides our economy towards the attainment of greater heights.

The political stability brought forward by GPS has created an ideal environment for economic expansion, social progress, and overall improvement in the quality of life for the *rakyat.* The strong mandate given to our Government has positioned Sarawak as an attractive destination for foreign investments and has empowered us to implement vital plans and strategies for economic development.

I also express my heartfelt gratitude to our YAB Premier who is also the Minister for Finance and New Economy, for presenting a groundbreaking and forward-thinking budget for 2024. This budget is a bold declaration of our unwavering commitment to nurturing a prosperous, sustainable, and united Sarawak. It's a testament to our collective vision of a future where prosperity is a reality for all, not just a privileged few.

Tuan Speaker, I would like to thank YAB Premier as Bintulu stands to reap benefits from this budget. The RM60 million allocation for the Precision Farming Park in Sg Sebiew is a visionary step, signalling our transition towards modern, technology-driven agriculture. This initiative is poised to revolutionize our agricultural practices, making them more efficient, sustainable, and appealing to the youth and agropreneurs. Also, the allocation of funds for temporary shelters for homeless and displaced persons, notably the RM2 million for the Community Social Support Centre (CSSC), is a move of great compassion and social responsibility.

The strategic thrusts outlined in the budget, particular in sports and youth empowerment and combating poverty are clear indicators of our Government's dedication to holistic development. The allocation of RM196.35 million for sports and development, including the hosting of the 21st Sukma 2024, is not just about fostering athletic excellence. It's also about nurturing a healthy, vibrant youth culture. Therefore, we look forward that sports facilities like the Bintulu Indoor and Outdoor Stadium will not be left out from the allocation because Bintulu is in dire need of good sports facilities.

Next, the focus on poverty alleviation through multidimensional approaches under the PCDS 2030 showcases our resolve to not just address poverty but to slowly eradicate it. Our initiatives are geared towards empowering the impoverished with skills and opportunities, not just providing temporary relief. This aligns with the principle that *"empowerment is better than charity".*

Despite these comprehensive and well-considered measures, it is disheartening to note the criticism from certain quarters. The Honourable Member from Padungan and certain representatives from DAP especially Bintulu have chosen to overlook the extensive efforts and progress made under the budget. Their claims say that the budget leaves Sarawakians with empty pockets are unfounded and misleading. They ignore the reality of our State's economic transformation. We have our own digital payment system. Previously known as Sarawak Pay and now upgraded to S Global. Maybe next time when it is upgraded again, we can name it *ketek ajak*. This is a concrete example of our

progressive approach, reducing reliance on cash and moving towards a more advanced, efficient economic model.

Their comments on poverty also fail to recognize the substantive actions outlined in the budget. Our approach to tackling poverty is far from superficial, it is rooted in sustainable development and long-term empowerment. I hope the Honourable Member from Padungan has listened properly to the speech by our YAB Premier. He has stated clearly under Strategic Thrust Eleven where a study on Poverty Alleviation in Sarawak have recently been commissioned to alleviate poverty in Sarawak by 2030. So, let's give it a little patience to work this out. Don't pick and choose what you want the people to hear in order to gain cheap publicity through this august House. Would you prefer a poor state with poor *rakyat*? Or do we want a prosperous State that can help the *rakyat* in the long run? Now that our Sarawak can generate more income from the revenues, we have the means to help the *rakyat* to combat poverty. This is what we call, walk the talk and not *cakap saja* or complain *saja*.

In the tabled Bill, there are book vouchers, free laptops for Sarawakian Students, there are student assistant schemes and local scholarships, there are post-natal care assistance, endowment fund Sarawak etc. But let's not just rely on these aids. We are not content with providing mere handouts, our aim is to equip Sarawakians with the tools they need to lift themselves out of poverty.

Tuan Speaker, I would like to bring to the attention of the august House, a few issues in my *Kawasan* Tanjong Batu and that I hope will be given attention by the Ministry involved.

First, it is end of the year and we all know it's the raining season. Flash flood issue is still a main concern in Tanjong Batu Bintulu area. Over the past years, we have seen unprecedented area also having flash flood. This is a sign that the drainage in the residential areas need urgently upgrading and I hope that this will be made a priority by our Drainage and Irrigation Department.

Secondly, in relation to the previous issue, there have been discussions during the meetings with the local authorities and resident office to do the dredging for Sungai Sebiew in order to tackle the flood issue along Sungai Sebiew. I hope that there are proper planning on tackling this issue of illegal squatters along Sungai Sebiew. It has to be dealt with appropriately before carrying out any master plan along Sungai Sebiew. I hope the relevant department and agencies will enlighten us on what measures are taken on handling the illegal squatters.

Thirdly, Tanjong Batu population has increased tremendously over the years, but it is discouraging to take note that we have only 10 Chinese *Kapitan*, four *Ketua Kampung* and one *Penghulu* only. Yes, we have submitted our request and *cadangan* to increase the number of *Ketua Masyarakat* and *Ketua Kampung* earlier this year, including, the proposal of creating special positions for *Tuai Rumah* in the town area because the number of Dayak and Orang Ulu in the town area have increased threefold through the years. We really hope and pray that this *cadangan* can be given the utmost attention because the KMKK are the important link between the Government and the *rakyat*. If this link is broken, how can we expect to achieve our PCDS 2030 in seven years?

Tuan Speaker, in closing, this budget is more than just numbers on paper. It is a blueprint for a vibrant, resilient Sarawak. Under the steadfast leadership of our Yang Amat Berhormat Premier, we are not just envisioning a bright future, we are actively building it.

Kalau berpantun, Tanjong Batu pun tak kalah.

Sarawak maju DAP tak happy,
Sarawak kaya DAP pun tak gembira,
Oh macam mana nak jaga hati DAP,
Hanya pandai menuduh orang tengooook saja.

Padungan pandai cakap saja,
Pending pandai complain saja,

Kalau sayang Sarawak harus buat kerja,
Bukan sekadar cakap dan kritik saja.

Naik Aras 7 nak makan kari,
Tapi kari habis dimakan tupai,
Belanjawan bagus asas kuat Negeri,
PCDS 2030 pasti tercapai.

Tuan Speaker, it is with my great pride and confidence that I pledge my full support on the Supply (2024) Bill, 2023, and also not forgetting to wish all those who are celebrating Christmas, A Blessed and Merry Christmas and Happy New Year 2024, for all the Sarawakian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Batu. Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Kalaka. Is he around? Okay, we skip him. May I call upon Ahli Yang Berhormat bagi Katibas please.

YB Encik Lidam anak Assan: Terima kasih, Tuan Speaker. It is an honour and privilege to stand here again in this august House to represent the people of DUN Katibas.

I would like to put on record my sincere gratitude to the people of DUN N.62 Katibas for their unwavering support for GPS Government and the leadership of Yang Amat Berhormat Premier of Sarawak and all his cabinet members to realise the aspiration of Sarawak *Maju Makmur* and Sarawak First, also including but not limited to defending the rights of Sarawak as enshrined under MA63 and IGC Reports.

I would like also to congratulate our Sarawak Premier for tabling the highest ever RM13,601 million Sarawak Budget, another breakthrough, with the theme Development for All: Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak, which is framed on 12 strategic thrust initiatives. I take cognizance of the second strategic thrust that is Stimulating Regional and Rural Development. The focus of rural development is to uplift the wellbeing of rural community and enhance the economic potential of the rural areas based on the local strength and peculiarities. It is unequivocally made and everyone is included.

Rural development and socioeconomic require a multifaceted approach to address the unique challenges faced by rural communities.

Since my first DUN sitting, I have submitted several development proposals for inclusion in our budget or for immediate implementation through various sources of funds. Among others are 7 km Jalan Ulu Sg. Bangkit and Ulu Katibas Bridge at Ng. Bangkit.

In overall, what I have been submitting are sufficient to achieve PCDS 2030 for my Constituency, among others to be achieved are; proposed roads connectivity to our remote communities with the length of 143 km more, strategic programmes to reduce poverty rate from 6% to 2%, achieve our earning from RM4,544 to RM15,000, digital power by at least 4G transmission and improve 100% literacy rate for Katibas.

Thank you, Minister for Utility and Telecommunication and the team, for reporting that we achieved 98% in your SARES, RES and Last Mile Program for electricity, more to come due to rural urban migration. Only then, Katibas can celebrate together with the rest of you Ahli-ahli Yang Berhormat.

I wish to extend our appreciation to the Second Minister for Natural Resource and Urban Development, Land and Survey Department for approving perimeter survey under Section 6 for Sg Tekalit, Sg. Katibas and Sg. Bangkit which covers about 263,000 acres. This survey was supposed

to commence in 2023 however, I believed some hiccups along the way. I hope they commission the ground survey the soonest possible in 2024. I also submitted our application for SPS and SPK.

This is to cater for increase in population residing in Song town areas. In addition, I request to expedite our *Anjung Usahawan* and Light Industrial Area to be completed as soon as possible. To date, we have six units *Pusat Inkubator* under SEDC. All these are to support our local entrepreneur to improve socioeconomy. Special thanks to the staffs from State Planning Authority for mentoring us in developing Song Masterplan which now in progress to comply with necessary the approval process. I hope the Honourable Minister will assist us to further develop Katibas.

Tuan Speaker, I am honoured to stand before you to shed light on a fundamental aspect of rural development - the critical role of road accessibility. In the intricate tapestry of fostering prosperity in our rural areas, the veins of transportation infrastructure weave a story of connection, empowerment and progress. Today, let us explore the profound impact that improved rural accessibility that can have on unlocking the vast potential of our rural communities and propelling a future of sustainable environment, economic prosperity and social inclusivity development. To us in essence, investing in road infrastructure is an investment in poverty. It creates a ripple effect, fostering economic activities, job reaction and overall community developments.

For the information of Minister for Infrastructure and Port Development (MIPD), I have already submitted in March 2022 for 188 km roads for Katibas. Again, on 30th September 2023, I also re-submitted a revised length of 142 km on phase-by-phase implementation procedure so that we do not overstretch our cashflow and to allow for every area; may have the provision for certain length. This will enable them to feel there is a hope the road is coming their way, macam AirAsia *"Everyone can fly"*. Let's now, everyone can feel that the development is coming our way.

I continue to request the Ministry to schedule this road for inclusion in our budget with immediate implementation, at least phase one for 43 km with an estimate construction cost of RM471 million. We need to connect rural population soonest possible to enable our socioeconomic activities to function, only then we can eradicate poverty.

Also, I would like MIPD to expedite the long outstanding Jalan Rumah Jabat to Nanga Engkuah, Katibas and a bridge crossing at Rumah Jamba, Sg Iran.

Thank you also to MIPD for the swift response during the collapse of Musah Bridge. I request that appropriate action to be taken to rectify the problem and solution for the new replacement bridge. Also note that this Musah bridge is critical for the completion of URDA road along Katibas River. As such I urge the Ministry to put priority to this bridge.

Bus Terminal and Longboat terminal contribute significantly to the local economy by fostering trade and transportation, creating job opportunities and stimulating surrounding community. It facilitates loading and unloading of riverine businesses. I request the Ministry of Transport to immediately commence construction works on this bus terminal and longboat terminal.

The success and failure of DUN Katibas to achieve economic prosperity enshrined in PCDS 2030 depends on the completion and availability of basic enablers such as infrastructures that provides access to our land developments, utilities, and marketing facilities to facilitate economic transformations for diverse stream of revenue generations. It is therefore, among others, I request the following to be given focus and budgets by Ministry for Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD):

Inland Freshwater Development

It is important to keep Katibas river and its tributaries free of any pollutions so that it will remain as Sarawak source of freshwater fish. Maybe, some of you want to eat Empurau next time. I wish to express our appreciation to the M-FICORD for earmarking Katibas as Empurau Belt. This augur well

with locals as they are the source of incomes especially from this high value fishes. In that, I request the Ministry to expedite the construction of hatchery facilities in Katibas. I thanked Yang Amat Berhormat Premier for RM5 million budget allocation for inland fisheries and aquaculture development programmes and projects. I request for the portion for the development of our Emprau Belt in Katibas. I also wish to express my gratitude to M-FICORD Minister, Deputy Minister and staffs for the opportunity for me to join the trip to witness the MOU signing ceremony with University Malaysia Terengganu. This is another effort to improve our know-how to develop both marine and inland fisheries industries in Sarawak.

Agrotourism

Is another emerging potential as a potent catalyst for bolstering rural socioeconomic. It generates supplementary income for our rural communities. By providing opportunities for farmers to showcase their agricultural practices and product directly to visitors, it spurs our as well. I request for portion of year 2024 Sarawak allocation of RM20 million to be implemented to cover crops development and projects for Katibas.

Paddy cultivation

Paddy cultivation holds immense importance in rural areas for several reasons in which it serves as a primary source of livelihood for a significant portion of Sarawak population. We have a pocket of 100ha of lowland or swampy areas ready for cultivation. I understand that our current Self-Sufficiency Level is only 34% and we aspire to achieve at least 60%, therefore, I suggest that every district to produce their own Self-Sufficiency Level which later contribute to overall Sarawak Self-Sufficiency Level and local food security.

As an effort to improve our self-sufficiency level (SSL) and management of our paddy cultivation, I hereby suggest that Sarawak to establish its own Sarawak Paddy and Rice Development Board. Its tasks is to among others is to manage the entire ecosystem around rice production, input managements, processing, R&D, distribution and of course create employment for local community. Also, I urge the Ministry, M-FICORD in to carry out Katibas soil and economic feasibility study. This is to enable the right commercial crops to support our socioeconomic programmes.

Agriculture Innovation involves introduction of farming techniques such as IOT especially who have access to electricity and internet. This is to improve and boost our farmers' productivity and incomes. As such, I request the Ministry to allocate certain sums for Smart Farming Area in Katibas. It is therefore, for the need of our farmers in town area especially the Chinese community and Malay community who do not have enough piece of land like our NCR. I also request the Ministry to continue to provide skill development programmes especially to relevant to our product such as hatchery, biotech, tissue culture, marketing Ps and intake to skill development centre.

I urge peladang *kawasan* to carry out more active function to provide market linkages to local farmers, members and to other broader marketplaces. In that, I also request the Minister in charge to have a greater and proper look at our peladang kawasan.

"Education for All" meaning ensuring accessible and quality education in English for all involves establishing comprehensive educational programmes, inclusive policies and adequate resources to empower individuals from diverse backgrounds especially rural children. STEM (Science, Technology, Engineering, and Mathematics) education is crucial to empower Sarawak digital innovation and technological advancement. Thank you, GPS Government, for having an autonomy to use dual language programme in English and the coming free education by 2026.

However, children from Katibas might not be able to be fully participate with the rest of other children and continue to lag behind. For the information of this august House, there are 17 primary schools without any science laboratory to facilitate learnings. As such, I call upon Education

Ministry's to immediately to intervention to construct the required laboratory. I was informed by Education Department that the construction of SK Musah is now cancelled by Education Ministry as I therefore, request the Education Department to merge SK Musah and SK Nyimoh together as SK Nyimoh Musah at Ng Nyimoh. In addition, I request the Education Ministry to install necessary facilities and aspire to make school as a cluster school, years to come. Let us recognise the transformative potential of socioeconomy, infrastructures, and education in our collective journey towards a more inclusive, prosperous and environmentally sustainable Sarawak. In view of that above, Katibas support the Supply (2024) Bill, 2023. Thank you.

Timbalan Speaker: Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Katibas. Ahli Yang Berhormat bagi Baleh. Please, next one.

YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023. Saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier atas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 yang disifatkan sebagai inklusif bagi pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Speaker, saya sangat berbangga dengan pencapaian Kerajaan Sarawak kerana telah berjaya menjana pendapatan tertinggi yang pernah diperolehi oleh Kerajaan Sarawak dan merupakan rekod baharu berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dengan kutipan hasil Negeri Sarawak pada tahun ini berjumlah RM12.718 bilion meningkat sebanyak RM808 juta atau 7% berbanding kutipan hasil yang diperolehi pada tahun 2022 yang berjumlah RM11.910 bilion.

Bank Dunia juga telah mengesahkan dan mengiktiraf Sarawak sebagai negeri berpendapatan tinggi bersama dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Pulau Pinang. Saya berharap pencapaian ini dapat dinikmati oleh semua rakyat Sarawak sehingga ke akar umbi. Dengan ekonomi yang semakin kukuh, ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang baru, projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih rancak dan pelabur-pelabur dari luar pula akan lebih yakin datang untuk melabur di sini. Di tambah pula keadaan politik kita yang stabil dan kukuh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, serta tadbir urus yang telus dan berintegriti dengan pelaksanaan Ordinan Ombudsman Sarawak 2023 yang baharu saja diluluskan di Dewan yang mulia ini akan membantu kita untuk mencapai visi Sarawak Maju menjelang 2030.

Dalam belanjawan 2024 kali ini yang bertemakan *"Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak"*. Sekali lagi, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana telah mengutamakan peruntukan kepada projek pembangunan di kawasan pedalaman di dalam Belanjawan 2024 melalui beberapa projek seperti berikut:

(a) RM550 juta untuk pelaksanaan Projek Rakyat;
(b) RM420 juta untuk *Rural Transformation* Project (RTP);
(c) RM200 juta untuk *Regional Development Agency*; dan
(d) Rm260 juta untuk *Minor Rural Project* (MRP)

Projek-projek sebeginilah yang banyak membantu kita untuk menyelesaikan permasalahan rakyat-rakyat yang di tinggal di kawasan pedalaman.

Tuan Speaker, Kawasan saya di N.64 Baleh masih amat memerlukan perhatian terutamanya pembangunan dari segi infrastruktur, agar kawasan-kawasan yang terpinggir di kawasan hulu dapat dihubungkan dengan kemudahan jalan raya. Kita sedia maklum bahawa jalan perhubungan ke rumah-rumah panjang di Kawasan saya N.64 Baleh kebanyakannya masih lagi bergantung dengan jalan balak iaitu lebih kurang 90%, 5% jalan bertar iaitu di pinggiran Jalan Akses ke Baleh HEP dan 5% lagi masih menggunakan jalan sungai.

Oleh yang demikian, jalan-jalan balak ini amat memerlukan perhatian yang serius kerana kerja-kerja penyelenggaraannya di luar bidang kuasa pihak Jabatan Kerja Raya Bahagian Kapit. Saya berharap pihak Kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian tentang perkara tersebut supaya jalan-jalan yang masih di dalam seliaan syarikat konsesi balak dapat diselenggara dan dibaik pulih agar selamat digunakan oleh orang awam.

Jalan perhubungan sepanjang 9 kilometer dari simpang jalan balak menuju ke Tunoh yang juga merupakan sebagai *"Growth Node Area"* dapat dihubungkan dengan jalan raya dan seterusnya menghapuskan *"missing link"* yang sering menjadi halangan kepada setiap kontraktor yang mendapat projek di sana selama ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Ke-10 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Sarawak diberi kuasa untuk menentukan pelaksanaan projek pembangunan RM50 juta ke bawah. Kita perlu mengambil peluang ini untuk memohon dana daripada Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan yang belum dapat dihubungkan dengan jalan raya.

Terdapat juga masalah dan isu berhubung dengan jalan konsesi balak yang masih aktif, walaupun jalan-jalan yang berada di kawasan konsesi mereka diselenggara dengan baik. Namun syarikat konsesi balak tersebut kurang memberi kerjasama dan toleransi kepada syarikat-syarikat yang menggunakan jalan tersebut walaupun melaksanakan projek Kerajaan. Malah, mereka telah mengenakan caj-caj tertentu dengan kadar yang telah ditetapkan kepada mana-mana syarikat yang menggunakan jalan di bawah kawasan mereka sebagai caj untuk menyelenggara jalan tersebut.

Syarikat-syarikat Bumiputera yang melaksanakan projek-projek RTP amatlah terkesan dengan tindakan tersebut kerana kos logistik akan bertambah, malah lebih mahal daripada kos membeli bahan mentah itu sendiri. Caj tersebut telah meningkatkan kos untuk melaksanakan projek-projek RTP di Kawasan saya malah separuh daripada peruntukan tersebut adalah untuk menampung kos pengangkutan.

Sepatutnya sebelum polisi ini dibuat, kajian dan sesi libat urus perlu diadakan agar ianya tidak menyulitkan pihak terutamanya penduduk kampung atau rumah panjang yang masih menggunakan jalan balak.

Kadar RMF *(Road Maintenance Fee*) yang dikenakan adalah RM3 per kilometer sehala. Ini amat membebankan dan ia menyebabkan banyak projek Kerajaan terkesan dengan polisi ini. Tiada pemantauan oleh pihak tertentu menyebabkan pihak tertentu mungkin mengambil kesempatan untuk mengenakan bayaran seterusnya memberi imej yang kurang baik kepada Kerajaan. Keadaan ini juga boleh menimbulkan isu keselamatan dan isu lain contohnya pihak syarikat ladang juga mungkin mengambil tindakan serupa untuk mengenakan caj.

Tuan Speaker, peruntukan mengurus kepada agensi-agensi pelaksana bagi *Rural Transformation Projek* (RTP) perlu dipertimbangkan untuk mempercepat pelaksanaan projek berkenaan. Disebabkan kekangan belanja mengurus kepada agensi pelaksana yang telah dipilih, maka banyak projek yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Mereka terpaksa memohon bantuan daripada kami sebagai Yang Berhormat bagi kawasan untuk menampung kos-kos lawatan tapak untuk menyediakan skop kerja yang diperlukan bagi melaksanakan projek RTP ini. Saya berharap agar pihak Kerajaan Sarawak mengambil perhatian tentang perkara ini serta mengkaji semula mekanisme yang sesuai untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Speaker, pada 3 November 2015, pelancaran Bukit Mabong sebagai daerah baru oleh Ketua Menteri Sarawak Ke-5 pada ketika itu di Dewan Suarah Kapit. Tunoh telah dipilih sebagai pusat pentadbiran daerah baru ini berdasarkan lokasinya yang strategik kerana berdekatan dengan tiga empangan hidroelektrik yang utama iaitu Empangan Hidroelektrik Bakun, Empangan

Hidroelektrik Murum dan terkini Empangan Hidroelektrik Baleh merupakan pengeluar kuasa elektrik utama di Sarawak berdekatan dengan kawasan pentadbiran itu nanti.

Pada ketika itu, Ketua Menteri Sarawak Ke-5 juga menyokong dan bersetuju dengan perancangan pembangunan di sana untuk membangunkan kawasan luar bandar menjadi bandar baru yang terancang dan penuh harapan untuk mengangkat sosio-ekonomi rakyat tempatan dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan Negeri Sarawak.

Saya mewakili rakyat di Kawasan saya berterima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat kerana telah memperuntukkan projek bagi 33 kilovolt *Medium Voltage Covered Conductor* (MVCC) dari Nanga Gaat ke Tunoh.

Saya sangat prihatin dengan projek-projek yang telah pun dirancang dan sudah mendapat kelulusan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak malah beberapa projek yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak semasa lawatan ke Kapit dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang untuk kesejahteraan rakyat setempat.

Saya juga mempunyai harapan yang besar kepada Yang Amat Berhormat Premier serta pegawai-pegawai kanan beliau yang turut meneruskan agenda pembangunan bagi kawasan di Tunoh. Pembinaan bangunan baru pejabat pentadbiran Daerah Bukit Mabong sedang rancak dijalankan dan kini hampir 40% siap. Saya percaya bangunan tersebut akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun depan.

Namun, terdapat juga desas-desus untuk membina kuaters Daerah Bukit Mabong di Nanga Mujong yang terletaknya agak jauh daripada Kawasan Tunoh dan ini membuatkan saya menyoal mengapa perlu membina kuarters tersebut yang begitu jauh daripada pejabat pentadbiran Daerah Bukit Mabong, tidakkah itu membebankan kakitangan turun naik ke pejabat ke kuarters begitu jauh lebih kurang dalam sekitar 50 km setiap hari?

Saya sendiri telah dijemput oleh Pejabat Residen Bahagian Kapit dan Pejabat Daerah Bukit Mabong untuk mengenal pasti lokasi kuarters Pejabat Daerah Bukit Mabong di Nanga Mujong.

Pada pendapat saya, biarlah kuarters tersebut di bina berdekatan dengan pejabatnya di Tunoh bagi memudahkan kakitangan Kerajaan pergi dan balik dari pejabat setiap hari. Cadangan bagi tapak pembinaan kuarters dan Pejabat Daerah Bukit Mabong di Tunoh adalah tanah milik Kerajaan Sarawak dan senang untuk diambil alih untuk cadangan bagi sesuatu projek.

Pertanian

Tuan Speaker, berkenaan dengan pertanian, saya tertarik dengan kenyataan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Yang Berhormat N.69 Kemena, di mana Kerajaan Sarawak kini mencari cara untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi menambah tahap sara diri beras di Sarawak hanya pada kadar 36%. Ini bermakna kita perlu mengimport kira-kira 60% beras untuk menampung keperluan rakyat serta mengurangkan kadar *deficit* tersebut.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan Sarawak mengambil kira dan meneliti Tunoh sebagai pengeluar padi bagi kawasan tengah Sarawak, selaras dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk menghasilkan padi bagi mengurangkan beban isu kekurangan beras bagi keperluan rakyat di Sarawak.

Tunoh telah bersedia untuk dijadikan sebagai kawasan pengeluar padi dan berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan pengeluar beras utama di Sarawak.

Utiliti Komunikasi

Tuan Speaker, kita sedia maklum pada masa sekarang bahawa sistem komunikasi yang baik merupakan utiliti awam yang sangat penting untuk memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan lebih jitu dan teratur agar terus maju dan membangun.

Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memberi kerjasama yang padu kepada Kerajaan Sarawak untuk memperluaskan liputan internet dan telekomunikasi di Negara kita.

Suntikan dana berjumlah RM1.89 bilion oleh Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan usaha membangunkan projek telekomunikasi supaya jaringan telekomunikasi meliputi jauh ke dalam kawasan pendalaman.

Namun begitu, timbul juga masalah yang akan merencatkan momentum progress pelaksanaan untuk mendirikan menara telekomunikasi seperti libat urus tapak menara serta salah faham di antara kontraktor dan pemilik tanah. Ini berlaku kerana kontraktor terlibat tidak berbincang dengan telus bersama dengan pemilik tanah.

Saya telah menerima laporan dari pemilik tanah bahawa menara tersebut telah siap dibina, namun sehingga kini pemilik tanah tersebut belum lagi menerima bayaran pampasan seperti yang dijanjikan oleh pihak pelaksana projek.

Terdapat juga dalam kalangan kontraktor dan agensi pelaksana tidak memaklumkan terlebih dahulu berkenaan projek tersebut kepada Pejabat Residen, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan Survei termasuk wakil rakyat di kawasan.

Saya menasihatkan kepada mana-mana agensi atau kontraktor pelaksana, adalah penting untuk memberi maklum kepada jabatan dan agensi berkaitan terlebih dahulu supaya jika timbul sesuatu masalah di kemudian hari pegawai-pegawai daripada Pejabat berkaitan dapat membantu untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan tapak projek berkenaan.

Isu tapak binaan perlu dibincangkan terlebih dahulu untuk mengenal pasti menara yang dibina di lokasi yang betul dan permasalahan pemilikan tapak binaan dapat dielakkan. Ini mungkin dapat mengurangkan masalah kelewatan siap projek seterusnya dapat membantu impian warga pedalaman bagi sama merasai apa yang rakan di bandar rasai seterusnya dapat merealisasikan agenda Kerajaan Negeri untuk melengkapkan semua pelosok negeri mendapat liputan internet dan sistem komunikasi yang lengkap.

Bencana Tanah Runtuh

Tuan Speaker, hujung tahun sering kita hadapi keadaan bencana tanah runtuh. Saya mohon Kerajaan Negeri mencari alternatif supaya mangsa bencana tanah runtuh diberi bantuan seperti mana bantuan yang disalurkan kepada mangsa banjir dan kebakaran agar ia dapat diselaraskan dalam kategori yang sama terutama yang melibatkan rumah 100% musnah. Tanah runtuh juga perlu dijustifikasikan sebagai bencana supaya mangsa yang terbabit mendapat bantuan untuk meringankan beban mereka.

Saya masih ingat kejadian tanah runtuh di Kampung Cina, Jalan Airport Kapit pada 25 Disember 2007 yang lalu, melibatkan beberapa buah rumah musnah. Pada 24 November 2017 yang lalu juga, tragedi yang sama memusnahkan 11 buah rumah dan dua lagi rosak teruk di Rumah Gawan, Nanga Sebunut, Baleh, Kapit. Dalam kedua-dua tragedi ini, mangsa-mangsa telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak malah diberi bantuan untuk membina rumah baru.

Oleh yang demikian, saya berharap agar empat buah keluarga mangsa bencana tanah runtuh dari Rumah Umbar, Sungai Tiau, Mujong juga layak mendapat bantuan yang serupa kerana rumah mereka musnah 100%.

Saya dimaklumkan oleh pihak Residen dan Pejabat Daerah Bukit Mabong bahawa laporan tentang kejadian ini telah dihantar kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak tetapi belum mendapat maklum balas hingga ke hari ini.

Kejadian sebegini akan berlaku di kawasan yang lain juga, oleh itu kita perlu mencari pendekatan untuk membantu mereka kerana mereka ini adalah golongan B40 memerlukan bantuan ihsan Kerajaan untuk mendirikan semula rumah mereka.

Kekurangan Kemudahan Sukan bagi tujuan Belia bermain di Kapit

Keluhan daripada belia-belia di Kapit tentang kemudahan dan fasiliti sukan tidak mencukupi malah fasiliti-fasiliti yang sedia ada pun dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Keadaan Dewan Suarah Kapit dan Dewan Serbaguna memerlukan peruntukan baik pulih yang sangat besar. Saya telah pun bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan tentang perkara ini, peruntukan untuk kerja-kerja baik pulih telah diluluskan akan tetapi tempoh untuk memulakan kerja-kerja baik pulih belum dapat dipastikan.

Saya mohon perkara ini perlu diambil tindakan segera untuk mengelakkan keadaan bangunan-bangunan tersebut bertambah lebih teruk lagi.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan usul Rang Undang-undang Pembekalan (2024), 2023, saya ingin menyampaikan dua buah pantun berbunyi begini:

Dari Baleh ke Pasar Kapit,
Singgah sebentar membeli toman,
Ekonomi Sarawak sudah bangkit,
Jangan dilupa kami di pedalaman.

Anak desa bermain lumpur di sawah,
Anak kota bermain di taman,
Jika ada silap dan salah,
Mohon maaf semua kepada teman.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Pembekalan (2024), 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan berharap agar perbelanjaan tersebut dapat mensejahterakan rakyat Sarawak.

Sebelum mengundur diri, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada penganut agama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Baleh. Next, may I call Ahli Yang Berhormat bagi Satok.

YB Dato Ibrahim bin Baki: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang. Terima kasih, Tuan Speaker atas kesempatan untuk saya terlibat sama dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan (2024), 2023 di Dewan yang mulia ini.

Sebelum itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier, Ahli Yang Berhormat bagi Gedong, atas pengiktirafan sebagai *Distinguished Honorary*

Fellow daripada ASEAN Federation of Engineering Association. This is another international recognition for our Yang Amat Berhormat Premier which we as Sarawakians are proud of.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah atas pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Premier. Belanjawan yang terbesar dalam sejarah yang amat menyeluruh ini merangkumi semua aspek dan bertujuan untuk merangsang ekonomi Sarawak dalam misi untuk mencapai sasaran menjadi sebuah negeri maju menjelang tahun 2030.

Sebagai sebuah wilayah yang membangun, pendekatan *development centric* dan *rural-biased* amat bertepatan dengan keperluan pembangunan Sarawak serta menepati kehendak dan aspirasi rakyat Sarawak.

Ini manifestasi kesungguhan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) untuk mentransformasikan seluruh pelosok Negeri ini dan dijangka kesan *spillover* dari pelaksanaan projek pembangunan akan membantu merangsang sosio ekonomi rakyat dan membolehkan mereka meningkatkan taraf hidup dengan tambahan pendapatan dari aktiviti ekonomi.

Dalam masa yang sama, ia juga untuk membantu melahirkan golongan profesional dalam industri serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak.

Ini merupakan cerminan bahawa Kerajaan GPS berusaha sedaya upaya supaya rakyat terus mendapat manfaat dan pulangan ekonomi serta pendapatan Sarawak yang meningkat.

I also note, Tuan Speaker, that Sarawak's projected revenue collection for 2023 is RM12.718 billion which is an increase of RM808 million compared to the RM11.910 billion last year. This is record breaking and the highest revenue collection in history. Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier *and his able team.*

Our projected revenue collection for 2024 is RM12.749 billion, expected. I am optimistic that Yang Amat Berhormat Premier, as our captain, that Sarawak revenue will surpass RM13 billion, Insya-ALLAH.

Increasing Opportunities

Tuan Speaker, the rise in living costs of late is concerning whereby it has affected every layer of the society. This is not a matter of buying less or not eating outside and cooking at home. The consumption remains the same and the savings that can be made is insufficient to offset the rise in cost of living.

Any hike in the cost of items for businesses will be passed to the consumers and families who might be surviving from paycheck to paycheck last time may not fare well this time.

Against this backdrop, while the Federal Government is tightening their purse strings with the implementation of more taxes by Putrajaya, it is heartening that the Sarawak Government is looking at ways and means to cushion the blow to the people particularly the low and middle-income group.

This is in terms of providing opportunities as well as the necessary assistance for them to supplement their incomes through venturing into home-based businesses and part time ventures in the gig economy. As the saying goes *"give a man a fish, you feed him for a day. Teach him how to fish and you feed him for a lifetime".*

At the same time, efforts such as upskilling and reskilling for the people must be continued particularly at the community level at each constituency.

Investment-based Income

The reengineering of revenue can provide more investment-based income. The low ratio of operating expenditure to projected income gives us the flexibility to plan our development expenditure. Surpluses that arise can be utilised to expand our investment portfolio further.

Currently, the income from investment dividend makes up about 22.5% of our revenue. As the Government continues to diversify and expand its revenue bases, it is hoped that the Sarawak Sovereign Wealth Fund will further expand our investment income from foreign sources in the future.

The three new Ordinances which were passed in this DUN session will definitely escalate our revenue base.

In a nutshell, the Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Bill, 2023 giving birth to clear rules and regulations pertaining to carbon capture, carbon credit and carbon trading, will attract and give confidence to investors and financial institutions. This undoubtedly will create economic spinoffs and provide us with new sources of income amongst others through levies and underlining our status as one of the Global Clean Energy leaders.

Two, the Distribution of Gas (Amendment) Bill, 2023 which provides for the appointment of our own Gas Aggregator will expand and facilitate the distribution of gas to consumers and industries who require gas for their businesses. This also will undoubtedly attract more downstream activities for industrialists internationally with new technologies thereby bringing further economic spinoffs and increasing our GDP. Further, I am optimistic that our dynamic and resourceful Yang Amat Berhormat Premier will find *ilham* to increase our income along the way in this sector.

Thirdly, the third Ordinance that is the Electricity (Amendment) Bill, 2023 which will provide the development of clean renewable energy such as solar power and clean cascading hydropower, perhaps will include pump storage as what the Indian did in India will increase our momentum in the production of clean renewable energy, the excess of which are exported, for example, to Kalimantan, Indonesia and Singapore; highly probable that this will be expanded to Semenanjung Malaysia, Sabah and Brunei.

Well, Honourable Member for Padungan is not around but we will leave it to the Minster to, you know, answer his questions on this issue which he dissented you know, anyway.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Premier, the Honourable Member for Gedong has re-calibrated and pivoted our approach to find new sustainable revenue bases which are aligned with the United Nations's Sustainable Development Goals.

This new economic approach has great potentials and will position our beloved Sarawak to be successful for all Sarawakians – Sarawak First!

Even the Prime Minister acknowledged and was so impressed with our new economic model that he has requested our Yang Amat Berhormat Premier to brief the Federal Cabinet here in Kuching, Sarawak where it is the first time that a Federal Cabinet Meeting was held outside of Putrajaya.

Yang Amat Berhormat Premier again as requested by Yang Amat Berhormat Prime Minister also has briefed all the *Menteri Besar* and Chief Ministers on our economic model including the Penang Chief Minister, well for the information of the Honourable Member for Pending, again she is not here again.

The leadership of Pakatan Harapan including the number one leader DAP, my friend, the DAP Secretary General, Saudara Anthony Loke was impressed and has praised our Yang Amat Berhormat Premier and supported our efforts.

It seems that the Sarawak DAP took a different path, indirectly defying their whip in Kuala Lumpur and they are not singing the same song, it seems.

Maybe they are coming from a different camp. I don't know, Honourable Member for Pending is not here to answer me. Maybe they are coming from a different camp. Maybe it is the Lim Guan Eng camp *lah* or the Chow Kon Yeow camp *lah*, or perhaps another camp. Or perhaps Sarawak camp against Semenanjung camp or whatever camp *lah*, camping maybe.

While in PBB or GPS, there is no camp. There is only one camp – that is the camp of the Yang Amat Berhormat Premier, Honourable Member for Gedong.

If, and if, in DAP there are camps, in PBB and GPS, there is absolutely none, none at all, you know.

Fiscal Policy

Tuan Speaker, our fiscal policy is an expansionary policy to boost economic activities and growth momentum of the State.

Even though Sarawak have limited taxation capability, in managing its fiscal policy, Sarawak has managed to implement the State Sales Tax (SST) on the oil and gas sector, oil palm, aluminium, lottery, timber products and coal, among others.

These SST do not directly burden the *rakyat* as the products are mainly industrial products that are exported.

Pembangunan Modal Insan

Tuan Speaker, salah sebuah inisiatif yang dalam perancangan saya di kawasan Dewan Undangan Negeri N.8 Satok adalah untuk kita menyediakan sebuah Digital Innovation Hub untuk golongan belia.

Ini supaya kita dapat menyokong pembangunan belia khususnya untuk mereka memulakan perniagaan atau *"start-up*"; Malaysia akan bergantung kepada ekonomi belia serta perusahaan kecil dan sederhana (SMEs).

Dengan adanya kemudahan seperti ini, belia dapat dibantu dengan adanya tapak atau pejabat berkonsepkan "*office sharing*" yang membolehkan mereka menubuhkan syarikat sendiri dan terlibat sama dalam industri ekonomi baharu.

Pada masa yang sama, saya mencadangkan agar Kerajaan Sarawak dapat mempelbagaikan inisiatif untuk memberi dana sokongan kepada *"start-ups"* untuk mereka mendukung hasrat kerajaan dalam memastikan operasi mereka berasaskan konsep pelestarian alam sekitar.

memberi penekanan kepada aspek teknologi digital di mana ilmu pengetahuan dalam bidang ini amat luas.

Saya mencadangkan supaya akses kepada teknologi baharu serta pembaharuan dalam bidang ini dapat dikongsikan kepada "*start-ups*" melalaui agensi-agensi seperti SDEC supaya mereka lebih peka kepada peluang dan permintaan baharu dalam bidang teknologi.

Saya berharap dengan pendekatan ini, kita dapat melahirkan lebih banyak lagi *"technology-based enterprises*" di Sarawak serta individu yang berkebolehan. Manalah tahu kita boleh melahirkan Sarawak Bill Gates, Elon Musk, Jack Ma dan sebagainya.

Kawasan Satok

Tuan Speaker, Kawasan Satok seperti kawasan yang lain termasuk Tupong, Samariang dan sekitarnya tidak terkecuali dengan masalah kesesakan jalan raya.

Saya melihat di kawasan Batu 3 hingga Batu 10 di Kuching, terdapat lima buah *flyover* yang telah dibina. Tetapi di Petrajaya, hanya terdapat satu *underpass* di Bulatan Kipali dan satu *flyover* di Jalan Kulas, Satok.

Saya memohon agar pihak berwajib melihat kepada penyelesaian untuk masalah kesesakan lalu lintas ini sebelum masalah ini berlarutan.

Saya juga mencadangkan supaya project *"beautification"* dari kawasan Brooke Dockyard di tebingan Kuching dapat diperluas ke kawasan-kawasan lain di Satok.

Ini dapat dilakukan dengan menyambung tebingan (*waterfront)* hingga ke Jambatan Gantung Satok dan Kampung Kudei yang berpotensi untuk meningkatkan sektor pelancongan supaya orang luar boleh melawat kawasan perkampungan di sini.

Hal ini penting bukan sahaja untuk kita memelihara seni warisan yang ada di kawasan perkampungan ini malah boleh memberikan cetusan kepada aktiviti ekonomi dan perniagaan seperti restoran dan produk pelancongan di Satok.

Pada masa yang sama, Kampung Segedup juga mempunyai potensi pembangunan pelancongan dengan adanya sambungan laluan pintas yang telah siap dibina dan diguna pakai.

Kesimpulan

Tuan Speaker, saya tidak ingin menyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari GPS. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat Pending walaupun dia tidak ada di sini, mungkin dia akan dimaklumkan oleh *press or* dalam Hansard nanti kerana ini kali kedua dalam ucapan perbahasan, yakni in *her debate speech yesterday, she has addressed me directly.* Sepatutnya beliau ada *decorum* dan etika yang terkandung dalam *Standing Order* dalam DUN *to address the Speaker instead of addressing me directly or other members directly*. For me, *kita tidak mahu melihat* this august House, you know, will become like a coffee shop or *pasar malam*. Honourable for Pending should be aware as an experienced member, she should know about the conduct according to the Standing Order. I don't know why she keeps on calling me, naming me or maybe she likes me very much and I don't mind actually if it is in a sweet ladylike manner, you know. She's not here to debate or respond to it. Maybe I will give one copy to her later. Further, she should not also call another colleague *"incompetent"* as she did to the Honourable Member for Batu Kawah. Because, it would appear that she is imputing underlying and improper motives. *Standing Order 32(4)* states clearly that it shall be out of order to use offensive, offensive and insulting, insulting. Maybe, Honourable Member for Batu Kawah may feel insulted and grudge above on Members of the Dewan. The election and the campaign period is over, there is no need *lah* to call people by names. *Kita seharusnya bersangka baiklah. Tidak bersangka buruk*, you know.

Tuan Speaker, therefore, I humbly request and seek your kind indulgence that her statement yesterday on the matter above be expunged from the Hansard. It's your call, Tuan Speaker.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang dan ruang untuk saya terlibat dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada yang menyambutnya serta Selamat Tahun Baru yang mendatang. Sekian, terima kasih. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker: Right, Ahli Yang Berhormat bagi Satok. In response to your request to says that the call of the chair, I think I am in the agreement to have it expunged wherever there is a language that tread between imputing another Honourable Member with some ulterior motive or some negative aspersion. I think I will refer to Erskine May Paragraph 21.21 for which we under Standing Order have the liberty to have, what we call that, reliance on as guidance. I hope maybe Honourable Member for Pending… Yesterday was a bit impromptu. She was a bit fast actually. We are all taken aback by her remarks but nevertheless I consider it was treading on the line actually, and bear with me for a while, and then it was between what we call permissible criticism and the other one. So, I think with your kind of request I am bound to agree with Erskine May's guidance with good temper and moderation are the characteristics of Parliamentary language. Parliamentary language never more desirable than when a Honourable Member is canvassing the opinions and conduct of their opponents in a debate, while in such cases also in respect of other abusive and insulting language or of a nature likely to create disorder. I think because it was treading then the respond was not forthcoming from the other side of the political divide, there's nobody jumping up to call for point of order.

Anyway, relaying on Paragraph 21.1 of Erskine May, I have this ruling to make. Please expunge that part where it imputes incompetency on the part of the Ahli Yang Berhormat bagi Batu Kawah. Much obliged for that one. And while I am yet to call another Member to make his speech…*(Interruption)*…

YB Dato Ibrahim bin Baki: Much obliged, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you. Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Satok. Before I call the next Speaker, I would like also to point out that since there are not many Ministers or Yang Berhormat Minister or Deputy Ministers in the Dewan.

I hope the system *ya*, ministerial officers would update the ministry and particular Ministers to take heed of whatever *rintihan* and *aduan*, the grouses made by the representatives *ya,* who made the speeches because it is very important. Because I, too come from I mean *kawasan* N.16 Muara Tuang, so I share the sentiment and I hope the hansard and all the records are properly recorded and matters which the Yang Berhormat had spoken about be taken seriously, seriously by all the department without fail so that the Ombudsman Law they will have just pass would not be necessary. In another words, we go for zero ombudsman whether there is law or not. That's my small observation before I call the next speaker. Ahli Yang Berhormat bagi Meluan, please.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Salam sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker di atas peluang untuk saya membahas Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023.

Tuan Speaker, pada tahun ini, Sarawak menjangkakan pendapatan berjumlah RM12.7 billion bersamaan peningkatan sebanyak 7% berbanding pendapatan 2022. Lonjakan pendapatan secara konsisten setiap tahun ini merupakan satu gambaran jelas kejayaan inisiatif *"Revenue-reingineering"* Kerajaan GPS pimpinan YAB Premier. Ini membolehkan Kerajaan GPS membentangkan Belanjawan 2024 yang terbesar dalam sejarah RM12.36 bilion. Di mana Belanjawan Pembangunan adalah RM7.8 bilion iaitu 63% daripada keseluruhan belanjawan. Dengan tema *Development for All*: *Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak*, belanjawan kali ini kekal *development-biased* yang akan memanfaatkan kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang infrastruktur dan ekonomi dengan kawasan bandar.

Tuan Speaker, saya memilih untuk membahaskan *Strategic Thrusts* yang penting dan kritikal untuk membangunkan Kawasan N.48 Meluan.

STRATEGIC THRUST TWO:
STIMULATING REGIONAL AND RURAL DEVELOPMENT

Projek Jalan dan Jambatan

Peruntukan Pembangunan 2024 adalah lebih besar berjumlah RM7.8 billion di mana RM662 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan. Justeru itu, saya ingin memastikan agar N.48 Meluan mendapat perhatian dan diberikan peruntukan yang sewajarnya untuk menghubungkan *last frontier* di Kawasan saya.

Saya cadangkan agar diberi pertimbangan untuk membina jalan baru R3 yang menghubungkan Rumah Kanin Nanga Letung Ulu Puak Entababai ke Ulu Layar. Ini sangat penting kerana Entabai merupakan antara *last frontier* di Meluan yang mempunyai penduduk yang ramai dan mempunyai potensi ekonomi pertanian dan eko pelancongan.

Selain itu, adalah dicadangkan beberapa bekas jalan balak untuk dinaik taraf *tar-sealed* iaitu:

(a) Naik taraf jalan balak Nanga Meluan/ Rumah Pemancha Robert ke SK Nanga Maong dan ke Klinik Nanga Maong sepanjang 22 kilometer;

(b) Naik taraf jalan balak Ulu Mujok/ Rumah Grasi Nanga Mujuk dari Rantau Bandau;

(c) Dan juga, saya mohon naik taraf jalan berbatu dari Nanga Entabai ke Rumah Brayan/ Rantau Rusa Ulu Kanowit dan bersama dengan *spur road* atau jalan perhubungan ke semua rumah Panjang di sepanjang jalan ini iaitu Rumah Minggan, Rumah Udam, Rumah Banat, Rumah Laman, Rumah John Kennedy, Rumah Amba dan Rumah Minggu.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanyakan, apakah status terkini pembinaan Jalan Nanga Maong ke Nanga Ju/ Rh Nyaleh yang belum bermula? dan rakyat di kawasan ini sudah tidak sabar menanti kerana telah diumumkan banyak kali.

Bekalan Air

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Loji Rawatan Air Julau telah dibina pada tahun 1972 dan tidak pernah dinaik taraf. Sepanjang 51 tahun ini, penduduk di kawasan Pasar Julau telah bertambah. Rumah panjang pun bertambah. Penduduk pun semakin meningkat. Sekolah pun bertambah. Sekolah menengah pun sudah bertambah menjadi dua. Kapasiti dan fasiliti Loji Rawatan Air Julau tidak dapat lagi menampung keperluan di kawasan ini dan sudah uzur. Ini mengakibatkan masalah gangguan bekalan air dan kualiti air kerap berlaku. Saya memohon agar tindakan segera diambil oleh JBALB untuk membina Loji Rawatan Air baru dengan kapasiti yang lebih besar dan mengambil kira keperluan 50 tahun akan datang.

Selain itu, isu bekalan air di jalan atau di sepanjang jalan KJD juga belum dapat dipastikan bila akan dapat diselesaikan. Mohon dipercepatkan pembinaan saluran paip dan segala infrastruktur yang menghubungkan *high-level tank* yang sudah pun siap. Sementara itu, pihak JBALB digesa untuk lebih proaktif mencari alternatif penyelesaian sementara dan menyediakan talian khas untuk penduduk di kawasan ini terutama semasa musim perayaan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanya status pembinaan *High Level Tank* Bukit Agok yang seringkali saya bawa ke Dewan yang mulia ini untuk membekalkan air dirawat ke 58 buah rumah panjang yang diumumkan.

Bekalan Elektrik

Bekalan elektrik pula, di samping pembinaan grid dan sambungan baru, saya memohon agar lebih banyak peruntukan diberikan ke N.48 Meluan untuk tujuan *re-wiring* di rumah panjang yang

sudah melebihi 20 tahun. Kejadian kebakaran yang melibatkan rumah panjang banyak yang diakibatkan oleh litar pintas yang mungkin disebabkan *overload* seperti bulan yang lepas, Rumah Panjang Micheal Marau terbakar disebabkan *overload*. Oleh itu, kita harus mengambil perhatian yang lebih padu pada masalah ini. Peruntukan ini amat penting untuk mencegah kebakaran.

Native Land and Rural Development

Tuan Speaker, Kawasan 48 Meluan mempunyai tanah NCR yang belum dibangunkan, yang luas. Namun yang demikian, saya memohon agar M-FICORD melaksanakan kajian dan menyediakan satu laporan sesuai dan kebolehlaksanaan pembangunan pertanian atau ladang komersial yang boleh dibangunkan di kawasan ini, Selain itu, dialog dan taklimat prosedur permohonan pembangunan tanah NCR oleh M-FICORD juga perlu diperbanyakkan untuk mengelakkan pemilik tanah menyertai pembangunan JVC yang tidak mendapat kelulusan Kerajaan yang mana akan menimbulkan pelbagai masalah.

N.48 Meluan amat mengalu-alukan SALCRA, SLDB dan juga SARIP terutamanya untuk meneroka peluang membawa pembangunan ke kawasan ini. Kita sedar bahawa kekangan yang disebabkan oleh peraturan yang dikenakan oleh (EU) iaitu *European Union Deforestation Regulation*. Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, tindakan ini adalah berat sebelah dan tidak adil kepada penduduk luar bandar. Ini menidakkan hak mereka untuk keluar dari kemiskinan melalui pembangunan tanah terutama penanaman kelapa sawit. Kita ingin tahu apakah tindakan M-FICORD dan juga Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk membolehkan tanah-tanah milik pekebun kecil terutama NCR masih boleh dibangunkan? Walau bagaimanapun, kita berharap skim-skim oleh MPOB masih boleh diteruskan untuk membantu pekebun-pekebun kecil di kawasan N.48 Meluan.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk bertanyakan status penyukatan perimeter dan pemberian *Lot Title* Seksyen 18 di Kawasan Meluan. Mohon agar diberikan data terperinci dan juga di manakah sedang disukat dan akan disukat pada tahun 2024?

STRATEGIC THRUST FOUR:
TRANSFORMING SARAWAK INTO COMPETITIVE AND RESILIENT ECONOMY

Industrialising Agrofood Sector

Tuan Speaker, kawasan Meluan terkenal dengan pengeluaran lada berkualiti. Saya mencadangkan agar pengeluaran lada di Kawasan Julau diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri melalui agensi Kerajaan Negeri seperti *Sarawak Land Development Board* untuk membawa satu perancangan komersial yang memberi nilai tambah yang akan memanfaatkan pekebun-pekebun kecil di sini. Saya cadangkan agar CPPC dibina di bekas tapak Latihan Pertanian di Julau oleh SLDB yang fokus kepada produk lada. Bukan itu sahaja, saya mencadangkan Kerajaan Negeri memperkenalkan skim insentif pengeluaran lada dan juga mikro kredit melalui SLDB.

Tuan Speaker, saya sudah mohon banyak kali untuk membina CPPC di N.48 Meluan dan saya akan ulang setiap persidangan sampai saya dapat.

Konsep *Precision Farming Park* yang diperkenalkan oleh M-FICORD amat bersesuaian dengan aspirasi kita untuk meremajakan sektor pertanian dan pengeluaran makanan. Justeru itu, N.48 Meluan tidak mahu ketinggalan untuk memohon agar inisiatif ini dibawa ke sini untuk menarik minat belia untuk menceburi diri dalam bidang pertanian berteknologi tinggi.

Tuan Speaker, di dalam kita membicarakan soal pemodenan dan pengkomersilan pertanian, perkara asas yang amat penting adalah jalan kebun dan ladang. Di Kawasan saya, masih ramai pekebun lada yang berjalan kaki ke kebun mereka. Begitu juga, ladang-ladang kecil sawit yang masih tidak mempunyai jalan perhubungan yang baik. Justeru itu, saya mencadangkan agar kutipan SST daripada hasil minyak kelapa sawit dan isirong sawit berjumlah RM630 juta dikembalikan

kepada pekebun-pekebun kecil melalui projek jalan kebun dan ladang. Projek jalan kebun dan ladang sedia ada yang dilaksanakan oleh DOA, SLDB dan DID tidak mencukupi dan sangat sedikit. Seperti di dalam persidangan yang lepas, saya ulangi lagi permohonan saya untuk peruntukan khas RM5 juta kepada N.48 Meluan untuk tujuan ini.

Sports Facilities Development

Tuan Speaker, RM75 juta telah diperuntukkan pada tahun 2024 untuk pembangunan dan penambahbaikan fasiliti-fasiliti sukan. Daripada peruntukan ini, saya mencadangkan agar Stadium Sukan Julau dinaik taraf atau ditambah baik memandangkan semakin ramai pengguna yang memanfaatkan fasiliti ini. Bukan itu sahaja, SMK Julau dan SMK Julau No. 2 merupakan *Sports Powerhouse* di Bahagian Sarikei. Kedua-dua sekolah ini mendominasi hampir kesemua acara sukan di Bahagian Sarikei. Oleh yang demikian, amatlah wajar diberikan lebih peruntukan untuk membangunkan fasiliti sukan di Kawasan saya.

Rumah Mampu Milik

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kawasan N.48 Meluan amat memerlukan pembangunan rumah mampu milik. Ramai rakyat di Kawasan saya membeli rumah di Sibujaya dan juga Sarikei oleh kerana tiada pembangunan perumahan. Kebanyakan mereka ini masih lagi menetap di Julau dan ada yang berulang alik dari Sibu Jaya dan Sarikei terutama guru-guru dan penjawat awam yang lain. Justeru itu, wajarlah jika HDC boleh mewujudkan skim perumahan mampu milik di sini dengan segera.

Tuan Speaker, pasar Julau yang ada sekarang ini sudah tidak mampu lagi menampung jumlah penduduk yang kian bertambah dan juga tidak bersesuaian untuk menampung permintaan perniagaan untuk mewujudkan kedai-kedai dan perkhidmatan yang lebih moden. Maka hujung minggu, pasar Julau amat sesak sehingga tiada ruang untuk meletakkan kenderaan. Oleh iłu, saya mencadangkan agar dibangunkan *Julau New Township* yang lebih moden dan mampu menempatkan kedai-kedai dan perkhidmatan moden untuk menampung pertambahan penduduk dan pendapatan mereka. Tapak yang sesuai adalah di seberang Pasar Julau, di mana kawasan ini amat strategik untuk membuka jalan yang akan menghubungkan Julau ke Machan dan terus ke Song dan Kapit. Ini akan menjadi *gamechanger* yang akan menjadikan Pasar Julau membangun lebih pesat dari segi ekonomi.

Dalam masa yang sama, saya ingin mengutarakan masalah Pejabat Daerah Julau yang baru beberapa tahun siap dibina. Pejabat Daerah yang baru ini tiap-tiap tahun ditenggelami banjir dan merugikan Kerajaan. Kalau boleh, saya minta Jabatan yang bertanggungjawab menjelaskan perkara ini, sebab berlaku sedemikian. Oleh itu, saya perlu memohon membina Pejabat Daerah baharu untuk menggantikan yang sedia ada ini supaya tidak ditenggelami banjir lagi. Ini amat menyusahkan rakyat dan juga kakitangan di pejabat itu semasa pejabat ini ditenggelami banjir yang memakan masa beberapa hari sehingga dua minggu ditenggelami oleh banjir. Sebagai penyelesaian, saya mencadangkan agar satu bangunan kompleks pentadbiran baru dibina di tapak Pejabat Daerah lama. Jika tidak, Pejabat Daerah Julau akan ditenggelami air setiap tahun dan menyusahkan pegawai-pegawai.

Tuan Speaker, di Julau sekarang, kita mempunyai dua sekolah menengah iaitu SMK Julau dan SMK Julau No. 2. Namun demikian, kedua-dua sekolah ini tidak menawarkan tingkatan enam dan pelajar dari *feeder schools* di Kawasan saya setiap tahun lebih dari 260 orang pelajar akan melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di SMK Meradong. Oleh yang demikian, maka layaklah dalam perkiraan saya untuk SMK Julau No. 1 atau SMK Julau No. 2 ini dinaik taraf kepada sekolah menengah tingkatan enam atau kita membina kolej tingkatan enam dengan mod satu. Dalam masa yang sama, kalau boleh nama SMK Julau No. 2 ditukar kepada nama yang masih melambangkan Daerah Julau atau tokoh di Daerah Julau mahupun DUN N.48 Meluan.

Satu lagi isu yang saya ulang di setiap persidangan adalah Klinik Kesihatan Daerah Julau yang sudah uzur. *Land title* untuk tapak Klinik Daerah Julau sekarang ini yang pada asalnya adalah *title* kepada *Kanowit District Council* sudah tamat 60 tahun dan kembali kepada *State Land*. Sekali lagi saya mohon kepada Kementerian untuk memberikan sokongan dan keutamaan agar klinik baru yang lebih moden dibina untuk menggantikan klinik sedia ada yang sudah uzur. Tapak untuk klinik baharu sudah ada dan tersedia untuk dimajukan, jangan kita tunggu sampai status menjadi daif.

Tuan Speaker, Belanjawan 2024 merupakan yang terbesar pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Pimpinan Kerajaan sudah memainkan peranan untuk meningkatkan sumber pendapatan. Selepas ini, kita bergantung kepada pegawai-pegawai *State Civil Service* untuk memastikan pelaksanaan adalah selari dengan belanjawan yang telah diumumkan. Kita ingin melihat 100% projek yang diumumkan mampu dilaksanakan mengikut jadual.

Saranan saya agar pegawai-pegawai *think outside the box* ataupun *think without the box* untuk mencari jalan menyelesaikan segala kekangan birokrasi. Saya menyokong agar lebih peruntukan untuk pegawai-pegawai kita dihantar lebih ramai lagi ke luar negara untuk menimba ilmu ataupun diberikan insentif dan bonus yang lebih tahun ini sebagai dorongan mereka. Kita tidak boleh mengharapkan hasil yang berbeza dengan cara yang lama. Mungkin sudah tiba masanya dikaji semula skim perkhidmatan sedia ada dan diganti supaya kita oleh meningkatkan kualiti. Kita akan sokong di Dewan ini demi memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada rakyat.

Sekali lagi, Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas yang akan datang dan Selamat Tahun Baru dan jumpa lagi di tahun 2024.

Dengan ini, saya mohon mencadang, Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Meluan. Before I call the next speaker, I would like to make a bit of clarification, to erase any degree of doubt that may arise with regard to my ruling earlier on the expungement on the negative part of Ahli Yang Berhormat for Pending speech yesterday as requested by Ahli Yang Berhormat for Satok. I have made the decision based on the residuary powers of the Speaker under Standing Order 89 whereby "*All matters not specifically provided in these Standing Orders and all questions relating to the detailed working of these Standing Orders shall be regulated in such manner, not inconsistent with these Standing Orders, as the Speaker may from time to time direct; and in giving any such direction the Speaker shall have regard to the usages of Commonwealth Parliamentary practice so far as such usages can be applied to the proceedings of the Dewan".* Standing Order 89 is read together with Standing Order 86. In brief, Standing Order 86 says, "*the decision of the Speaker upon any point of interpretation of any of these Standing Orders, or upon any matter of practice, shall, subject to a substantive motion for that purpose, be final, and the Speaker may from time to time, issue rulings thereon".* So based on these two Standing Orders.

Next, I would like to call Ahli Yang Berhormat bagi Serembu.

YB Encik Miro anak Simuh: Salam hormat, Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Sarawakku Sayang. Terima kasih, Tuan Speaker, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 di Dewan yang mulia ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak dan ADUN bagi Gedong, yang telah membentangkan satu lagi bajet bersejarah bagi Sarawak dalam memenuhi aspirasi Sarawak, melalui pelaksanaan *Post COVID Development Strategy 2030* (PCDS 2030) yang akan menjadikan Sarawak Negeri Berpendapatan Tinggi Menjelang Tahun 2030.

Bajet Sarawak sebanyak RM12.363 bilion merupakan bajet tertinggi dalam sejarah Sarawak dan dicapai hanya dalam tempoh hanya enam tahun Yang Amat Berhormat Premier memegang kepimpinan tertinggi Kerajaan Sarawak. Bajet 2024 dengan tema *Development for all: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United* Sarawak merupakan satu tema yang amat sinonim dengan perjuangan kepimpinan Sarawak dalam membawa Sarawak membangun setanding wilayah-wilayah lain di Malaysia. Bahkan pengiktirafan yang diterima Sarawak sebagai *High Income State Status* oleh World Bank dengan penjanaan *Gross National Income (GNI)* per kapita melebihi USD13,205 pada tahun 2022-2023 menggambarkan manifestasi jelas, tentang apa-apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak selama ini semakin hari, semakin membuahkan hasil. Pengiktirafan ini merupakan satu kebanggaan bagi Sarawak dan menjadi tonik penting dalam perjuangan Kerajaan Sarawak untuk meletakkan sasaran *household income* ke status berpendapatan tinggi menjelang 2030.

Visi dan kepimpinan berpandangan jauh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dengan meletakkan 12 Teras Strategik dalam Bajet 2024 menjadi inti pati penting dan ampuh untuk setiap sektor bekerja keras dalam memastikan setiap sen yang dibelanjakan dalam Bajet 2024 ini akan memberi manfaat besar kepada Sarawak dan rakyatnya. Perlu diingat, sasaran kerja yang kita kejar adalah untuk memastikan kejayaan PCDS 2030 akan menjadi satu realiti.

Kita hanya ada lebih kurang tujuh tahun sahaja lagi untuk memastikan sasaran kita dapat dicapai dan menutup mulut pengkritik-pengkritik yang mencemburui visi Sarawak kita ini. Kesemua agensi-agensi Kerajaan, sektor-sektor ekonomi, sosial dan politik kita harus bergerak seiring dalam memastikan aspirasi dan perjuangan akan dapat direalitikan dengan jayanya menjelang 2030.

Tuan Speaker, secara peribadi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier yang telah meluluskan penubuhan *Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA)* yang mencakupi sepuluh Dewan Undangan Negeri, yakni:

(a) N.1 Opar;
(b) N.2 Tasik Biru;
(c) N.3 Tanjung Datu;
(d) N.18 Serembu;
(e) N.19 Mambong;
(f) N.20 Tarat;
(g) N.21 Tebedu;
(h) N.22 Kedup;
(i) N.23 Bukit Semuja; dan
(j) N.30 Balai Ringin.

Adalah menjadi harapan dan cita-cita kami untuk melihat setiap projek yang telah dirancang dan akan dilaksanakan di dalam kawasan GKCDA ini nanti akan membawa impak besar kepada landskap pembangunan di kawasan ini, dan sekaligus memberi impak dan manfaat besar kepada rakyat di kesepuluh DUN yang terlibat.

Dalam kita saling melengkapkan perjuangan ke arah membangunkan Sarawak secepat dan selengkap mungkin, Bajet 2024 sekali lagi berkiblatkan *Development Biased Budget* yang memberi keutamaan besar kepada pembangunan berterusan kawasan luar bandar terutama sekali dengan peruntukan sebanyak RM9.038 bilion atau 66% keseluruhan Bajet 2024 untuk tujuan tersebut, maka saya seru agar agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan setiap bentuk pembangunan ini akan bersedia sepenuhnya. Pengalaman tahun-tahun sebelum ini, dengan lambakan projek sakit dan tidak siap harus dijadikan pengajaran penting dalam kita memilih laluan yang betul dalam memastikan tujuan, visi dan matlamat kita dapat dicapai selari dengan kehendak kepimpinan tertinggi Sarawak. Janganlah kita mengkhianati amanat dan tanggungjawab ini. Pastikan perjuangan dalam kita memartabatkan rakyat dan keinginan untuk mengubah landskap pembangunan di setiap pelosok Sarawak akan dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Speaker, dikesempatan ini juga, saya akan membawa persoalan, isu-isu dan cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada kementerian-kementerian yang terbabit untuk pencerahan dan tindakan yang sewajarnya dari persoalan-persoalan dan isu-isu mahupun cadangan tersebut.

1. Saya kemukakan persoalan kepada Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD) berkenaan dengan status bekas tapak penanaman padi paya berdepan dengan Fairy Cave di Krokong, Bau yang pernah dibangunkan oleh Ceria Group dalam sekitar tahun 2008 hingga 2012 yang lepas. Kawasan ini telah ditinggalkan sepenuhnya dan telah bertukar menjadi kawasan belukar. Persoalannya, adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan semula tanah ini untuk penanaman padi dalam kita memenuhi keperluan mendesak beras negara sekarang. Atau pihak Kementerian boleh bekerjasama dengan penduduk setempat dalam kita mewujudkan pertanian berkelompok dengan mengambil peserta-peserta yang berminat dari kampung-kampung berdekatan untuk mengerjakan tanah ini dengan apa juga tanaman yang mendatangkan hasil, daripada ia menjadi belukar, terbiar yang tidak menghasilkan apa-apa sekalipun.

   Saya juga bersetuju dengan ucapan terdahulu daripada Yang Berhormat Daro yang mencadangkan agar Agriculture Facilitation Fund (AFF) diteruskan sebagai projek penting di bawah M-FICORD kerana ternyata program ini telah membawa manfaat besar kepada petani-petani di kawasan DUN terbabit di samping banyak mengubah landskap dan corak pengeluaran hasil tani, terutama di kawasan luar bandar.

2. Persoalan ini saya tujukan kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) berkenaan dengan dana pembangunan pelancongan. Sarawak merupakan salah satu destinasi unik bagi pelancong, terutama mereka yang meminati aktiviti *culture, adventure and nature (CAN)* termasuklah *Eco-Tourism* yang menjadi nadi penting produk pelancongan di Sarawak. Keunikan inilah yang membawa begitu banyak kedatangan pelancong dan seterusnya menjana pendapatan untuk Sarawak.

   Apa yang menjadi persoalan kepada saya ialah, adakah pihak Kerajaan melalui MTCP mempunyai geran atau pinjaman mudah pelancongan bagi membantu pemain-pemain industri, baik yang persendirian atau *private sector* untuk membangunkan produk mereka yang akhirnya akan memberi kepelbagaian dan *value added* kepada produk-produk sedia ada. Apa yang saya nampak, Kerajaan melalui MTCP hanya memberi peruntukan kepada projek-projek pembangunan pelancongan yang berkaitan dengan kerajaan sahaja atau GLC kepada Kerajaan seperti *Sarawak Museum Campus* dan *Santubong Archeological Par*k and *Wallace Center*. Pemain-pemain industri dan pemilik-pemilik produk juga berkeinginan untuk membangunkan produk mereka seunik yang boleh, apakan daya, apa yang sering menjadi kekangan kepada pengusaha persendirian mahupun *private sector* ini adalah kekangan kewangan. Justeru itu, saya berharap, pada tahun hadapan adalah sedikit walaupun tidak banyak dapat diperuntukkan kepada golongan ini untuk bersama membangunkan industri pelancongan dan menambahkan lagi keunikan produk-produk pelancongan di Sarawak.

3. Saya juga membawa suara pemimpin akar umbi kita, yakni rakan-rakan Ketua-Ketua Kaum dan juga Ketua-Ketua Masyarakat (KMKK) yang tidak, kalau dari seluruh pelosok Sarawak, sekurang-kurangnya dari DUN Serembu. Kita semua sedia maklum bahawa KMKK memainkan peranan yang amat besar dalam menjadi jambatan penting antara rakyat dan Kerajaan. Kita di pihak wakil rakyat banyak menggunakan khidmat KMKK untuk urusan kita mendampingi rakyat dan membawa apa juga bentuk pembangunan dan aktiviti kepada rakyat. Mungkin kerana rapatnya saya dengan golongan ini, saya selalu sangat mendengar keluhan dan cadangan golongan ini agar elaun yang mereka terima selama ini sebanyak RM900 sebulan bagi Ketua Kampung dan RM1,200 sebulan bagi Penghulu dan Pemancha dapatlah dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dinaikkan mengikut budi bicara dan kemampuan kewangan Kerajaan sedia ada.

Bukan apa Tuan Speaker, kesian juga dengan mereka ini yang menerima pendapatan elaun yang jauh di bawah garis kemiskinan. Ada dalam kalangan mereka ini menggunakan elaun ini untuk tujuan perbelanjaan keluarga. Belum dikira lagi bila adanya *"pemesai-pemesai"* dan kaki tangan Kerajaan yang berkunjung ke rumah, sudah tentu dihidangkan juga serba sedikit juadah, yang memang sudah menjadi adat kita melayan tetamu. Mereka juga sekarang diwajibkan untuk turun ke Pejabat Daerah sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi Ketua Kaum dan hampir tiap-tiap hari bagi Penghulu dan Pemancha. Dengan kedudukan kewangan Kerajaan Sarawak yang agak stabil dan semakin membesar ini, saya rasa sudah tiba masanya elaun golongan KMKK ini boleh kita kaji semula untuk kenaikan.

Demikian juga halnya dengan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan kita yang juga berkhidmat penuh dedikasi untuk rakyat. Elaun RM300 yang diterima bulanan amat tidak setimpal dengan tanggungjawab dan komitmen yang mereka curahkan kepada masyarakat setempat. Mohon juga agar elaun mereka sekali lagi dikaji untuk kenaikan.

4. Saya juga membawa cadangan kepada Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat akan keperluan mendesak untuk membina satu lagi sekolah menengah di kawasan DUN Serembu. Untuk makluman Tuan Speaker, sekolah menengah sedia ada, iaitu SMK Paku di kawasan DUN Serembu amatlah terlalu padat dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke tahun. Sekolah yang sepatutnya dibina untuk kapasiti 1,000 pelajar, kini menempatkan lebih daripada 1,800 pelajar yang sesi persekolahannya dijalankan dalam dua sesi. Disebabkan kekurangan kelas, ada kelas tertentu jumlah pelajarnya sampai 45 ke 50 orang. Kepadatan bilangan pelajar seperti ini, tidak akan memungkinkan kualiti pendidikan dapat dicapai sepenuhnya. Saya mencadangkan sekiranya Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina satu lagi sekolah menengah di Kawasan DUN Serembu, pilihlah kawasan di antara Keranji dan Tanjung Durian, kerana ia berdekatan dengan jalan utama Bau-Kuching dan antara kawasan yang berpenduduk padat di kawasan DUN Serembu.

5. Persoalan seterusnya saya tujukan kepada Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD) berkenaan status projek menaik taraf jalan Bau-Kuching yang bermula dari persimpangan lampu isyarat Bandar Bau sehingga ke persimpangan lampu isyarat Batu Kitang. Untuk makluman pihak Kementerian, YAB Premier telah menyebut dan menyentuh sebanyak tiga kali dalam ucapan beliau berkenaan dengan cadangan projek ini. Seingat saya, YAB Premier telah menyebutnya dua kali di Pekan Siniawan dan sekali di Dewan Suarah Bau. Laluan jalan Bau-Kuching ini merupakan satu jalan utama yang menghubungkan Bandaraya Kuching dengan Bandar Bau. Sejak dari dahulu lagi, jalan ini menjadi nadi penting, utama penghubung antara Bau dan Kuching. Dengan pertambahan mendadak penduduk dan jumlah kenderaan yang menggunakan laluan ini setiap hari, ia sering mengundang kemalangan dan kesesakan di laluan ini. Keadaan permukaan jalan yang tidak rata dan sempit memungkinkan kejadian-kejadian tidak diingini ini sering berlaku. Sehubungan itu, mewakili rakyat di Kawasan saya, kita mohon pencerahan daripada pihak Kementerian.

6. Kepadatan di Hospital Bau. Kita maklum akan perkhidmatan kesihatan adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Sudah cukup banyak cadangan dan pelan-pelan yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan akan tetapi belum ada satu pun yang ada jawapan konkrit. Justeru itu, saya mohon pada pihak Kerajaan Sarawak untuk masuk campur, sama ada untuk mendesak Kerajaan Persekutuan atau menggunakan dana Kerajaan Sarawak untuk menaik taraf Hospital Bau yang berada dalam keadaan kritikal kepadatannya. Wad untuk pesakit tidak cukup, kemudahan peralatan sokongan juga tidak cukup dan macam-macam masalah lain lagi. Dua hari yang lepas, Pengarah Hospital menghubungi saya jika dapat membantu untuk mendapatkan mesin *Computed Radiography* (CR) kerana mereka masih lagi menggunakan teknologi x-ray filem yang lama, yang digunakan semenjak hospital itu dibuka pada tahun 80-an. Jadi kita merayu kepada pihak Kerajaan, baik di peringkat Persekutuan mahupun Kerajaan Sarawak untuk membantu menyelesaikan permasalahan ini.

7. Persoalan berkenaan pengukuran tanah-tanah NCR terutama di kawasan Masyarakat Bidayuh. Saya telah dimaklumkan oleh jawatankuasa yang menyelia pengukuran tanah di peringkat Dayak Bidayuh National Association (DBNA), bahawasanya pihak DBNA telah menghantar dalam 180 permohonan daripada pelbagai kampung di kawasan Masyarakat Bidayuh kepada pihak Land & Survey Sarawak untuk tindakan dan tujuan pengukuran di bawah Seksyen 18, Sarawak Land Code. Daripada 180 permohonan, 27 telah siap diukur dan diberikan geran, 28 masih dalam proses pengukuran dan yang selebihnya belum ada ketentuan lagi. Pihak DBNA juga membantu pihak-pihak dari kampung-kampung Bidayuh untuk menghantar permohonan berkenaan pengukuran lot-lot Kampung Tradisi. Demikian juga, pihak kami inginkan pencerahan berkenaan status permohonan-permohonan tersebut. Saya menyokong ucapan terdahulu dari sahabat saya, YB Tebedu yang turut berbicara berkenaan isu permohonan pengukuran tanah-tanah NCR di bawah Seksyen 18, *Sarawak Land Code*. Mohon apakah tindakan daripada pihak Kementerian berkenaan dengan permohonan tersebut dan bilakah agaknya tanah-tanah NCR di kawasan Bidayuh dapat diukur, sekurang-kurangnya 50% dari jumlah keseluruhan permohonan seperti yang disebutkan tadi.

8. Proses tadbir urus yang baik, efisien dan bersih merupakan prinsip utama dalam apa juga bentuk Kerajaan yang ada. Justeru itu, saya mencadangkan kepada YAB Premier Sarawak untuk mempertimbangkan agar Daerah Bau dan Lundu digabungkan untuk dijadikan sebagai satu lagi bahagian di Sarawak. Untuk makluman Tuan Speaker, kedua-dua daerah ini sekarang berada di dalam Bahagian Kuching dan seperti yang kita sedia maklum, Bahagian Kuching merupakan bahagian yang besar dengan kepadatan tertinggi di antara semua bahagian di Sarawak. Ada baiknya dalam kita membawa proses tadbir urus yang lebih baik dan efisien, Daerah Bau dan Lundu dikeluarkan dari Bahagian Kuching dan di bentuk di bawah satu bahagian. Dengan Daerah Bau mempunyai lebih daripada 70,000 penduduk dan Daerah Lundu dengan lebih 40,000 penduduk, sudah sampai masanya ia diiktiraf sebagai satu bahagian. Dengan status baru ini, urusan perancangan Pembangunan yang melibatkan infrastruktur, sosial dan ekonomi dapat digemblengkan dengan lebih teratur, efisien dan menyeluruh.

9. Saya juga merujuk balik kepada ucapan sahabat saya, YB Daro berkenaan dengan "*sitting allowance*" untuk ahli-ahli DUN Sarawak yang hanya dalam RM50 sehari sekarang. Saya sekali lagi bersetuju dan menyokong cadangan beliau sekiranya pihak Kerajaan dan DUN Sarawak, atas kebijaksanaan dan kepimpinan Tuan Speaker agar "*sitting allowance*" ini dapatlah dinaikkan selaras dengan status DUN Sarawak yang seumpama Parlimen dan dengan kemegahan bangunan yang tercantik di bumi Sarawak ini, akan menjadi asas penting untuk cadangan ini ditunaikan.

Tuan Speaker, selesai sudah bicara, penghujung pun kunjung tiba.

Bunga dedap di atas para,
Anak Bidayuh pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Buat rakan-rakan yang akan menyambut perayaan Hari Krismas diucapkan Merry Christmas & Happy New Year. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Serembu. Seterusnya Yang Berhormat bagi Kalaka.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan bagi membahaskan Belanjawan Negeri bagi tahun 2024. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan *Salam Segulai Sejalai.* Dengan ini, Kalaka menyatakan sokongan ke

atas Belanjawan Negeri Sarawak 2024 seperti yang telah dibentangkan oleh YAB Premier Sarawak selaku Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru pada 20 November 2023 tempoh hari. Sesungguhnya Belanjawan ini adalah berita gembira kepada penduduk luar bandar khususnya di Kawasan saya sendiri di DUN N.38 Kalaka yang amat memerlukan perhatian Kerajaan untuk menggiatkan aktiviti pembangunan.

Belanjawan Negeri 2024 ini dilihat akan menekankan ke arah setiap lapisan masyarakat selain menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas di Negeri Sarawak. Belanjawan 2024 adalah belanjawan yang terbesar apabila Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM12.363 bilion berbanding Belanjawan Negeri 2023 adalah berjumlah RM10.797 bilion. Belanjawan ini juga yang terus memfokuskan pembangunan kawasan luar bandar bertemakan *"Pembangunan untuk semua: Bersama Membina Sarawak yang Sejahtera, Mampan dan Bersatu"*. Itu juga memperuntukkan sebanyak RM9.38 bilion untuk pembangunan luar bandar atau pun 66% berbanding RM4.563 bilion untuk perbelanjaan mengurus. Tahniah YAB Premier yang telah melaksanakan *"re-engineering"* dengan pelbagai sektor ekonomi dan tahniah sekali lagi YAB Premier kerana telah mendapat anugerah *Distinguished Honorary Fellow* daripada *ASEAN Federation of Engineering Association*.

Tuan Speaker, izinkan saya mengutarakan beberapa masalah di Kawasan DUN N.38 Kalaka. Untuk makluman Tuan Speaker, projek pembinaan jalan Kampung Kupang ke Simpang Jalan Bajau dan Jalan Kampung Paloh di Kawasan DUN N.38 Kalaka memerlukan tindakan segera bagi kerja-kerja penurapan memandangkan peruntukan menaik taraf jalan-jalan kampung tersebut telah pun diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

(a) Untuk pengetahuan, lebih 10 tahun penantian penduduk di situ untuk melihat jalan tersebut dalam keadaan yang sempurna seperti jalan-jalan di kampung lain kerana jalan itulah merupakan jalan akses utama menuju ke kampung mereka. Oleh itu, amatlah diharapkan pihak KKDW dan JKR Sarawak menyegerakan proses tender supaya kerja-kerja menaik taraf jalan tersebut yang merupakan nadi perhubungan penduduk di kawasan terbabit.

(b) Begitu juga untuk Jambatan Krian yang dicadangkan lokasi di Kampung Pagan, mohon dibina untuk kemudahan penduduk Saratok dan Kampung Kupang berurusan dan berhubung dengan lebih cepat dan dekat.

(c) Selain itu, pembangunan luar bandar harus memberi keutamaan kepada penyediaan bekalan air bersih di setiap pelosok bahagian dan daerah di Negeri ini khususnya di kawasan yang diwakili saya iaitu DUN N.38 Kalaka.

Beberapa buah kampung dan rumah panjang di Kawasan saya amat memerlukan tindakan segera pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah bekalan air bersih khususnya di Daerah Kecil Roban seperti di Rumah Bia Batu Burak Roban, Rumah Ali Jalan Nyiar Roban, Rumah Augustine Empayak Roban dan Rumah Embol Sungai Anak Roban serta Rumah Galing, Rumah Rawing, Rumah Mujah dan Rh. John Ngion di Lubok Nibong.

Selain itu, terdapat beberapa buah perkampungan turut memerlukan bekalan air bersih seperti di Kampung Paloh, Kampung Hilir Perpat, Kampung Tengah Perpat, Kampung Hulu Perpat dan Kampung Kaba.

Untuk makluman Tuan Speaker, kesemua penempatan rumah panjang dan perkampungan yang disebutkan tadi sehingga kini masih belum ada dibekalkan sumber air terawat daripada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JLBAB). *Paip dah dipolah tapi airnya sikdo. Mun ada masalah teknikal mungkin pamnya sik cukup kuat, tukarlah pam yang lebih berkapasiti besar. Mun paipnya salah saiz, tukarlah saiz yang lebih sesuai, yang dapat dipasang dengan segera. Kalau dolok, COVID-19 tegai projek lambat tapi kinek tok kita dah boleh kerja macam biasa. Tolonglah, rakyat merati dan nahan ati dan bersabar nunggu air keluar dari paip yo. Kalaulah salah dari segi reka bentuk, ubahlah sebab kita manusia sik sunyi dari kesilapan.*

Minta jasa kepada kementerian serta jabatan terbabit untuk memberikan perhatian yang utama bagi memastikan isu keperluan asas penduduk di kampung tersebut dan rumah panjang ini disegerakan serta juga turut menjejaskan operasi beberapa buah sekolah yang boleh saya namakan SK Hj. Bollah Kaba, SK Lubok Nibong, SK Kg. Perpat dan SK Paloh.

Pada Jun yang lalu, Tuan Speaker, musim panas yang sedang melanda di Negeri ini telah menjejaskan beberapa buah rumah panjang serta kampung dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Pusat Khidmat ADUN N.38 Kalaka telah bertindak menghantar air mineral kepada penduduk dan beberapa buah sekolah yang terjejas teruk kerana ketiadaan bekalan air bersih untuk kehidupan seharian. Sekali lagi, saya mohon pihak berkaitan iaitu Kementerian Utiliti serta JBALB memandang serius perkara ini di mana isu kemudahan asas ini, persepsi dan harapan rakyat adalah untuk melihat setiap projek penyambungan saluran bekalan air terawat di sini dapat disiapkan dalam masa terdekat seperti yang pernah dimaklumkan dahulu. Takkanlah tarikh tamat jadi jalan mati.

Sebagai wakil rakyat di kawasan itu, saya sendiri amat bersimpati dengan kesukaran penduduk kampung yang masih lagi belum mendapatkan bekalan air terawat yang sempurna.

Tuan Speaker, selain itu, masalah gangguan bekalan elektrik di beberapa buah kampung serta rumah panjang di DUN N.38 Kalaka seperti *"drama bersiri"* dan mengundang pelbagai reaksi daripada penduduk. Kejadian terputus bekalan elektrik bukanlah perkara asing di Kawasan saya kerana ia merupakan antara masalah yang kerap melanda dan di harap pihak SEB dapat mengurangkan terputus bekalan elektrik ini.

Baru-baru ini saya difahamkan Kampung Kaba, Kampung Hilir Tengah dan Kampung Hulu Perpat; Rumah Panjang Rumah Galing, Rumah Rawing, Rumah Mujah, Rumah John Ngion dan Rumah Tanjung telah bergelap selama tiga hari berturut-turut.

Situasi ini telah melumpuhkan aktiviti penduduk dan membangkitkan rasa terkilan pengguna yang begitu terkesan akibat gangguan bekalan elektrik. Ketiadaan bekalan elektrik dalam tempoh yang agak lama sekaligus melumpuhkan sistem komunikasi apabila perkhidmatan telefon selular yang juga terganggu dan mematikan perkhidmatan internet di kawasan terbabit.

Saya juga memohon Kerajaan Sarawak dan kementerian berkaitan dan juga SEB untuk mempercepatkan pemprosesan permohonan penyambungan bekalan elektrik menerusi projek Dana Permohonan Tambahan atau Lewat (ALAF) bagi Kawasan N.38 Kalaka.

(a) Tuan Speaker, hakisan sungai dekat Kampung Melango, Saratok. Sekali lagi saya mohon agar ia diberi perhatian yang serius memandangkan terdapat banyak struktur tebing yang semakin terhakis. Untuk makluman, Tuan Speaker, jabatan yang berkaitan telah mengambil tindakan sebelum ini, namun hakisan tersebut masih berlaku sehingga ke hari ini. Terdapat sekitar lebih kurang 120 buah rumah kediaman yang terjejas akibat daripada hakisan tersebut.

Tindakan yang wajar perlu dilakukan untuk mengatasi serta mencegah hakisan daripada terus berlaku. Perlu diatasi dengan kadar yang segera sebelum berlaku isu keselamatan penduduk serta kemusnahan harta benda.

Oleh itu sekali lagi saya merayu dan memohon pihak berkaitan agar menyegerakan dengan kadar segera pelaksanaan Skim Pembesaran Kampung (SPK) Kampung Pagan di mana 120 rumah yang terjejas oleh hakisan ini dapat diberi keutamaan untuk dipindahkan dengan segera ke penempatan baharu di SPK Kampung Pagan, Saratok.

(b) Tuan Speaker, perkhidmatan kemudahan kesihatan di Saratok perlu dipertingkatkan dengan tambahan Mesin *Reverse Osmosis* serta membina bangunan baharu bagi menempatkan seramai 44 orang pesakit buah pinggang yang kini sedang dalam senarai menunggu.

Selain itu juga, saya mencadangkan agar sebuah klinik lebih kurang jenis Klinik KK5 perlu diwujudkan bagi menampung keperluan Hospital Saratok yang dilihat semakin sesak dan tidak lagi sesuai untuk menampung pesakit yang semakin ramai. Purata pesakit sehari adalah 250 orang.

(c) Tuan Speaker, isu ini adalah berkaitan dengan isu vandalisme berkaitan dengan kes kecurian kabel tembaga, aluminium, *earthing rod, battery* di menara telekomunikasi dan transformer pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dilihat semakin menjadi-jadi di mana ia telah mengakibatkan kerugian yang cukup besar. Mengikut laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MMC), sejumlah RM902,718 kerugian dicatatkan melibatkan 131 kecurian kabel dari Januari sehingga September 2023. Pada tahun lepas, sebanyak 282 kes menyebabkan kerugian sebanyak RM2,017,360. Isu vandalisme ini semakin kerap berlaku sehingga mengakibatkan gangguan kepada perkhidmatan seluruh utiliti dan termasuk telekomunikasi.

Pada tahun 2022 sahaja, sebanyak 515 kes vandalisme dicatat telah berlaku dengan anggaran kerugian lebih daripada RM4 juta yang telah dilaporkan oleh Sarawak Energy Berhad, JBALB, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu serta syarikat telekomunikasi seperti SDEC, TM, SACOFA, CelcomDigi, Maxis, Umobile dan Redtone.

Saya mencadangkan Kerajaan perlu memikirkan serta mengambil inisiatif bagi mengekang aktiviti vandalisme utiliti ini yang kian berleluasa dalam kalangan masyarakat. Saya percaya isu vandalisme ini boleh dikaitkan dengan kedai yang membeli besi buruk. Jika tiada *demand* dari pembeli besi buruk pencuri tidak akan mencuri tembaga, aluminium dan sebagainya untuk dijual.

Ops Lusuh yang dilaksanakan oleh pihak PDRM perlu kerap diadakan dan perlu dikaji semula undang-undang yang berkaitan dengan pembelian besi buruk, jadi tidaklah membenarkan orang awam untuk menjual aluminium, tembaga dan sebagainya kepada pembeli besi buruk.

(d) Masalah jalur lebar terus menjadi keresahan penduduk di Kawasan DUN N.38 Kalaka. Meskipun sesetengah kawasan telah dilengkapi dengan kemudahan komunikasi dan internet namun rangkaian akses untuk kemudahan tersebut masih berada di tahap yang agak lemah. Keadaan ini berlaku di kawasan Bandar Saratok sendiri seperti di Taman Seroja Indah, Taman Malong, Kampung Lot Wawasan, Kampung Pagan serta di rumah panjang, contoh Rumah Brues Sungai Antu dan Rumah Ikom Senyawan dan di kawasan-kawasan lain.

Tidak dinafikan memang banyak tempat yang tiada liputan internet *(blindspot)* dan boleh dikatakan sesetengah daripada kawasan kampung-kampung, perumahan, dan rumah panjang lebih-lebih lagi sekolah-sekolah rendah capaian internet berada di tahap yang tidak memuaskan.

Bagaimanapun, apa yang masih menjadi cabaran untuk Negeri Sarawak ialah sebahagian besar kawasan luar bandar belum mempunyai capaian internet yang tinggi. Saya percaya Kerajaan Sarawak tetap dalam usaha yang komited untuk melengkapkan kawasan di luar bandar dengan capaian internet yang bukan sahaja memberikan manfaat yang positif kepada penduduk tetapi menjadi pelengkap kepada pembangunan infrastruktur DUN N.38 Kalaka khasnya, memerlukan capaian internet dengan kelajuan 4G ataupun 5G bagi merancakkan lagi ekonomi digital, namun kelajuan capaian internet pada masa kini tidak mencukupi dan memenuhi keperluan penduduk.

Tuan Speaker, Pekan Saratok di DUN N.38 memerlukan sebuah anjung usahawan bagi memudahkan peniaga yang terdiri daripada golongan belia menjalankan aktiviti perniagaan mereka dengan konsep terbuka. Ini bermaksud akan ada meja untuk makan dan kiosk-kiosk untuk peniaga. Infrastruktur perniagaan yang lengkap dan kondusif amat membantu dan memastikan kelangsungan ekosistem keusahawanan. Kemudahan seperti anjung usahawan ini penting berikutan peningkatan jumlah usahawan di daerah yang memerlukan kemudahan perniagaan untuk memasarkan produk mereka.

Tuan Speaker, prasarana kemudahan sekolah di luar bandar dan pedalaman di Negeri ini perlu diberi tumpuan utama oleh Kementerian Pendidikan bagi merapatkan jurang perbezaan dalam bidang pendidikan dengan sekolah di bandar. Saya yakin Kerajaan Sarawak akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi memastikan bidang pendidikan di Negeri ini terus diberi tumpuan termasuk membangunkan sekolah daif serta kuarters guru yang usang. Dan usaha ini amat penting memandangkan kebanyakan bangunan sekolah di Negeri ini dan di DUN N.38 Kalaka khasnya berada dalam keadaan yang amat daif dan bangunan lama masih banyak dibina daripada struktur kayu.

Justeru, saya sangat berharap Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah yang wajar dan mengambil perhatian serius dalam permasalahan yang berlaku terhadap sekolah daif serta kuarters guru di Negeri ini. Contohnya, SMK Kalaka yang berusia 55 tahun.

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian, dan Kebudayaan Sarawak; dan Kementerian Belia dan Sukan Sarawak diharap dapat mempertimbangkan supaya *Regatta Kalaka* diiktiraf dan dimasukkan di dalam kalendar pelancongan. Begitu juga dengan penganjuran *Kalaka Criterium Challenge* yang dilihat dapat memberi impak yang cukup besar dalam industri pelancongan di Negeri ini.

Daerah Saratok perlu mempunyai satu produk pelancongan khususnya *Regatta Kalaka* dan *Kalaka Criterium Challenge* yang dapat memartabatkan nama Saratok dalam industri pelancongan dan ia bakal membawa impak besar kepada ekonomi seterusnya penduduk setempat. Oleh itu, sudah tiba masanya acara ini perlu diangkat dengan lebih meluas untuk menarik ramai pelancong ke Negeri ini.

Tuan Speaker,

Rang Undang-Undang Elektrik (Pindaan) 2023

Alhamdulillah telah diluluskan. Saya berharap Kerajaan GPS dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan dan mempertimbangkan dana atau bantuan khusus membantu rakyat untuk memasang solar bagi menjanakan elektrik untuk kegunaan sendiri dan boleh dijual kepada SEB. Melalui pemasangan solar sebagai alternatif kepada usaha membekalkan elektrik kepada rakyat dengan lebih cepat, maka ia dapat membantu rakyat menikmati bekalan elektrik dan dapat memberi tenaga baru yang diperbaharui.

Seterusnya, saya mencadangkan pihak *developer* untuk menambahkan lagi rumah yang dibina dan membina juga panel solar dan memasang meter menggunakan konsep NEM (Net Energy Metering Scheme) yang diperkenalkan oleh SEB. Pembeli rumah bukan sahaja dapat rumah yang baharu tetapi lebihan tenaga elektrik daripada solar panel yang dipasang atas atap boleh dijual kepada *sidak* nya boleh berbisnes dengan SEB.

Rumah Mampu Milik

Saya mohon dan merayu kepada pihak HDC untuk membina rumah mampu milik di kawasan milik HDC di Taman Seroja. Kepada pihak Mutiara pula, saya mohon supaya bertindak dengan lebih cepat untuk meluluskan permohonan terutamanya untuk penduduk di Saratok dan di Kampung Melayu Roban yang telah lamak ngisik borang dan ngantar borang, tetapi belum ada keputusan.

Saya turut mencadangkan…*(Interruption)*…

Timbalan Speaker: Gulung terus Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Okay. Saya mencadangkan supaya *Sarawak Skill Development Centre* dibina di DUN Kalaka. Sebelum saya membuat penggulungan, izinkan saya Tuan Speaker untuk kita menjaga keharmonian di dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon supaya kita sentiasa menjaga perbualan dan tutur kata kita kerana didapati semalam *Honourable Member* daripada Pending telah memanggil *Honourable Member* Satok *"tauke"* sepatutnya *very insulting* dalam Dewan yang mulia.

Oleh itu, akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian pada Disember ini nanti dan saya mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru 2024 kepada semua. Semoga dengan kedatangan tahun baru memberi sinar harapan untuk kita membangun Negeri Sarawak lebih gemilang dan cemerlang. Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 2024 dan usul untuk merujuk resolusi anggaran pembangunan bagi perbelanjaan 2024*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker: Terima kasih*…(Interruption)…*

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Terima kasih*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat. I would like to ask Ahli Yang Berhormat Satok while you are in the *Dewan*. Do you find the word *tauke* addressed to you is offensive? Honestly?

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Inaudible)…* Casual manner as we normally call our friend, eh *tauke*, things like that, I don't take offence on that. Actually, it's like you know a friendly word, you know *…(Interruption)…*

Timbalan Speaker:*…(Interruption)…*Are you taking it in a good spirit?*…(Interruption)…*

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Interruption)…*but in this Dewan, I think such words, when you don't even, you can't even, you are not even allowed to call a Honourable Member by his name. You are to refer another Honourable Member as Honourable Member from Kalaka *misalnya*. I think I do take a bit of offence on that*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker:*…(Interruption)…*So, you request it to be expunged as well?

YB Dato Ibrahim bin Baki: Please I would be much obliged with that*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker: I rule the same way *ya* under Standing Order 89 read with 86 of the DUN Standing Order to expunge that particular phrase since Ahli Yang Berhormat Satok has personally informed us that he is offended and not to draw any further argument on this, so as you know so Members can be what you called that lure into breaching the Standing Order so I asked you to expunge accordingly*…(Interruption)…*

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Interruption)…* Thank you Tuan Speaker. Much better*… (Interruption)…*

Timbalan Speaker:*…(Interruption)…* and Erskine May*… (Interruption)…*

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Interruption)…* and thank you. We are guarded by Honourable Member for Kalaka*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker:*…(Interruption)…* and Erskine May 21, 21 para 21 and 21 and para 24. Okay. Thank you.

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Interruption)…* It's more*…(Interruption)…*

Timbalan Speaker:*…(Interruption)…* We have*…(Interruption)…*

YB Dato Ibrahim bin Baki:*…(Interruption)…* The decorum. We maintain the decorum in this Dewan.

Timbalan Speaker: Yes. Okay. The Chair acknowledged that. We have two more speakers on the list is, one is Balingian, the other is Machan. We are going to go beyond 6.30 p.m., so I rule that under Order 9(1), we extend it beyond 6.30 p.m. to allow the two YBs to continue unless the other YBs, you have to press. Will continue accordingly. Thank you very much.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: Thank you, Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, *Salam Segulai Sejalai.* Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Ucapan Belanjawan 2024 di Dewan yang mulia ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak pada 20 haribulan November 2023 yang lalu.

Saya mewakili rakyat dari Kawasan DUN N.58 Balingian ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier di atas kejayaan membentang Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) yang bertemakan *"Development For All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak".*

Ini merupakan bajet yang terbesar diumumkan oleh Kerajaan Sarawak dalam sejarah dengan berlandaskan 12 teras strategik utama dengan menumpukan lebih banyak kepada pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat. Peningkatan hasil pendapatan Sarawak dari tahun ke tahun telah membuktikan langkah dan strategi pembangunan ekonomi yang dirancangkan sebelum ini telah membuahkan hasil.

Kutipan hasil Sarawak berjumlah RM11.63 bilion yang telah melepasi anggaran asal iaitu sebanyak RM11.035 bilion pada Oktober 2023. Berdasarkan prestasi hasil Sarawak setakat ini, kutipan hasil Sarawak untuk tahun ini diunjurkan sebanyak RM12.749 bilion. Peningkatan sebanyak RM839 juta atau 7% berbanding kutipan 2022 sebanyak RM11.910 bilion.

Dengan itu, ia menjadi RM4.563 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan operasi manakala RM7.8 bilion diperuntukkan kepada Akaun Kumpulan Kewangan Pembangunan untuk membiayai pelbagai program dan projek pembangunan yang telah dicadangkan dalam Belanjawan Sarawak 2024.

Kita juga amat memuji langkah dan usaha Kerajaan GPS di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier dalam memulih dan menstrukturkan semula ekonomi yang telah terjejas berikutan dari krisis pergolakan dunia dan pandemik COVID-19.

Bajet 2024 memberi tumpuan kepada 12 teras strategik utama, termasuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, merangsang pembangunan wilayah dan luar bandar, menggalakkan pelaburan, keusahawanan dan PKS. Ia bertujuan untuk mengubah Sarawak menjadi ekonomi yang berdaya saing dan berdaya tahan, mengukuhkan pembangunan modal insan dan bakat, mempergiatkan transformasi digital, menggalakkan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan kebajikan sosial dan jaringan keselamatan.

Di samping itu juga, bajet ini mengutamakan mempromosikan sukan dan memperkasakan belia, membangunkan ekonomi berasaskan inovasi dan berorientasikan pengetahuan, memerangi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Teras Ke-12 bertujuan untuk meningkatkan kapasiti Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan.

Tuan Speaker, saya akan beralih kepada isu-isu di Kawasan N.58 Balingian berdasarkan teras-teras yang dibentangkan dalam Ucapan Belanjawan bagi tahun 2024 oleh Yang Amat Berhormat Premier.

Teras Pertama:
Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi

Dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan inisiatif, program dan projek yang memberi perubahan besar dalam ekonomi seperti Projek Rakyat, *RTP (Rural Transformation Project)*, Agensi Pembangunan Wilayah dan *Minor Rural Project (MRP).* Inisiatif, program dan projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak untuk membawa impak transformasi ke atas ekonomi sambil mempengaruhi secara positif kehidupan dan mata pencarian rakyat.

Dengan itu, rakyat saya ingin tahu apakah Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak berhasrat untuk membuat pelan dasar bagi sistem perparitan dan saliran pekan Daerah Kecil Balingian bagi mengatasi masalah banjir yang akan berlaku.

Kedua, apakah status permohonan penempatan (Pemberian Status Hak Milik) bagi Kampung Sitieng, *Sitieng kata orang Mukah*? Ketiga, apakah Kerajaan Sarawak ada perancangan membina benteng hakisan tebingan Sungai di Kg. Tegak, Kg. Teh, Kg. Penakub Ulu, Kg. Penakub Bazaar, Kg. Tabo, Kg. Sesok, Kg. Teh Labak dan Kg. Sau memandangkan kawasan tersebut telah dicadangkan untuk pembinaan Tellian *Bypass* iaitu jalan raya menghubungi Mukah ke kawasan saya dan juga jambatan. Projek tersebut akan memberi impak dalam melestarikan alam sekitar, juga menggalakkan sektor pelancongan dan pertumbuhan ekonomi kawasan Ulu Mukah.

Teras Kedua:
Merangsang Pembangunan Wilayah Dan Luar Bandar

Cadangan untuk permohonan Jalan Bukut di bawah DUN Kakus ke kawasan RGC Balingian, yang mana akan memendekkan masa perjalanan dari kedua-dua tempat tanpa melalui Mateding. Projek ini akan memberi manfaat kepada dua DUN, iaitu DUN Kakus dan DUN Balingian dan ini akan menggalakkan integrasi di antara dua DUN. Jadi secara tidak langsung, ianya akan memudahkan penduduk di kawasan DUN Kakus, seperti Bukut dan Ulu Arip untuk ke Pejabat Daerah Kecil Balingian atas sebab hal-hal pentadbiran di kawasan itu melibatkan pejabat-pejabat Kerajaan yang ada di Pekan Balingian.

Kedua, apakah ada perancangan untuk membina jalan pesisir pantai dari Kampung Litong ke Skim Penempatan Sungai Alo? Pembinaan jalan dalam tiga kilometer akan menggalakkan lagi ekonomi dan tarikan pelancongan di kawasan pesisiran pantai di antara Litong dan Skim Penempatan Sungai Alo.

Ketiga, kita dimaklumkan *main-line* untuk air telah disediakan di kawasan *costal highway* di bawah inisiatif bekalan air, kita ingin tahu apakah status perlaksanaan untuk menyediakan *sub-line* daripada saluran utama ataupun *main-line* ke kawasan rumah panjang di kawasan Setuan Kecil, kerana pada masa ini *main-line* yang merentangi Sungai Kuala Balingian kerap kali bocor dan memberi kesan kepada rakyat di sekitar kawasan itu.

Teras Keempat:
Mentransformasikan Sarawak Menjadi Ekonomi Berdaya Saing dan Berdaya Tahan

Ingin juga saya mengemukakan soalan penduduk di Kawasan saya, berkenaan status perancangan Bandar Satelit di Mateding dan di *sub-centre* Kuala Balingian yang mana dirancangkan akan dibuat oleh LCDA? Saya ingin tahu apa status dia yang terkini?

Teras Ketujuh:
Menggalakkan Kelestarian Alam Sekitar

Taman botani yang telah dilulus di Balingian dicadangkan untuk menjadi pusat penyelidikan bagi flora dan fauna kita cadangkan kawasan tersebut ditanam juga pokok yang hampir pupus

seperti kayu nyatoh yang mana menjadi habitat ulat kayangan dikenali sebagai Lamas atau *lelamaih*, tanaman seperti orkid dan anggerik dan sebagainya juga kita oleh masukkan untuk di taman botani itu. Untuk itu, kita ingin tahu status terkini pelaksanaan projek tersebut dari *Ministry of Public Health, Housing and Local Government.*

Teras ke Lapan:
Memperkukuh Kebajikan Masyarakat dan Jaringan Keselamatan

Satu, dalam pemerkasaan Pendidikan awal, kita memohon premis kekal Sedidik yang kini adalah menumpang, menyewa daripada Pergerakan Wanita Balingian. Jadi kita ingin, kita memohon premis kekal diadakan untuk Sedidik di Kawasan N.58 Balingian.

Kedua, kita juga memohon agar dibina pusat pemulihan dalam komuniti di Pekan Balingian kerana pusat pemulihan dalam komuniti yang sedia ada terletak di Kawasan Mukah atau pun di DUN Tellian dan menyukarkan ibu bapa atau penjaga untuk menghantar jagaan mereka disebabkan kos pengangkutan dan jarak kediaman dan pusat tersebut yang agak jauh la dan memakan masa dalam 45 minit ataupun 1 jam.

Teras ke Sembilan:
Mempromosikan Sukan dan Pemerkasaan Belia

Pertama, sebelum saya mengemukakan permohonan selanjutnya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak atas pelaksanaan pembinaan naik taraf Mini Stadium Balingian yang mana telah siap dibina untuk melengkapi kemudahan sukan penduduk di sekitar Balingian, kita memohon agar dibina sebuah stadium tertutup yang dilengkapi dengan kemudahan sukan dan fasiliti yang lengkap untuk aktiviti belia dan program kemasyarakatan. Atas cadangan rakyat, stadium tertutup ini akan dinamakan sebagai Stadium Perpaduan Balingian.

Kedua, untuk melengkapi keperluan modal insan, adakah perancangan Kementerian yang berkenaan untuk membina institusi kemahiran di Balingian untuk *student drop out* tidak ingin belajar, yang mahu *hands on*, jadi kita mohon sekolah yang institusi ataupun sekolah yang merupakan *hands on* la kemahiran.

Jadi, kesimpulan akhir kata saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang terlibat di dalam pembentangan Rang Undang-Undang kerana berjaya diluluskan pada sidang kali ini. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier di atas penerimaan Anugerah Felo Kehormat daripada Persatuan Kejuruteraan Persekutuan ASEAN.

Terima kasih juga diucapkan kepada pegawai dan staf Dewan Undangan Negeri dan semua perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan yang telah bekerja keras untuk menjayakan persidangan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Speaker dan Yang Berhormat Dato Timbalan Speaker kerana telah mengendalikan perjalanan prosiding Dewan yang mulia ini dengan cemerlang.

Sesungguhnya Kerajaan Sarawak yang ditunjangi GPS berada di landasan yang tepat untuk membawa Sarawak ke arah wilayah berpendapatan tinggi menjelang tahun 2023. Jadi akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada yang meraikan dan Selamat Tahun Baru 2024.

Dengan itu, saya DUN Balingian memohon menyokong sepenuhnya usul Belanjawan 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *our* masa kecederaan berlanjutan pukul 6.30 p.m. ini ataupun *injury time* kita telah tersia-sialah *by default* kerana tidak cukup kuorum. Jadi dengan segala hormatnya, saya mohon Yang Berhormat Machan dan Pelagus untuk bersedia pada esok hari. Jadi dengan ini, ingin saya katakan:

Bukit Sadok Puncaknya Tinggi,
Besok Kita Jumpa Lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, the sitting is now adjourned and the House shall resume its sitting at 9.00 am tomorrow, Insya-Allah.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.41 petang)

COMMAND PAPER YANG DIBENTANG PADA 23 NOVEMBER 2023

MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI BARU

60/2023	Pembetulan kepada muka surat hadapan *Cmd.9 of 2023 (Volume I – Part I)* dan *Cmd.11 of 2023 (Volume II)* yang bertajuk Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2024